

Jilid I
Bil. 5



Hari Jumaat
15hb Oktober, 1982

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Kebenaran Cuti—Y.B. Puan Hajjah Wan Zainab binti M.A. Bakar
[Ruangan 489]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 489]

USUL:

Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 524]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Seremban).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kélantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J. B.S.I. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, TUAN MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Air Hitam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N., (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DR TAN TIONG HONG (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFENDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

- Yang Berhormat DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON (Ipoh).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED (Rantau Panjang).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGOT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE KIM SAI (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).

- Yang Berhormat TUAN MAMAT GHAZALIE BIN ABDUL RAHMAN (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ TUAN AHMAD SHAH BIN DATO HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID (Matang).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD (Pekan).
- „ DATO HAJI MOHAMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASARI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN NG CHANG KUAI (Lumut).
- „ DATO NGAH BIN A. RAHMAN (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN SAIDIN BIN MAT PIAH (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

- Yang Berhormat DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
 - „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
 - „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
 - „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
 - „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
 - „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA (Bagan Datok).
 - „ TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
 - „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
 - „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 15hb Oktober, 1982

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-
PERTUA KEBENARAN CUTI—Y.B.
PUAN HAJJAH WAN ZAINAB
BINTI M. A. BAKAR**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah dibenarkan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Puan Hajjah Wan Zainab binti M.A. Bakar sepanjang tempoh mesyuarat ini.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**INSTITIUT AKAUNTAN
MALAYSIA—PENUBUHAN**

1. Tuan Yeoh Poh San minta Menteri Kewangan menyatakan kejayaan yang telah dicapai setakat ini untuk melicinkan dan meningkatkan lagi taraf dalam bidang perakaunan di Malaysia melalui penubuhan Institiut Akauntan Malaysia mengikut Akta Akauntan 1967 (Akta 94) yang telah diluluskan itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, Akta Akauntan memerlukan semua ahli badan profesional dan semua graduan universiti-universiti tempatan dan seberang laut yang diiktiraf mendaftarkan diri mereka sebagai ahli Institit Akauntan Malaysia (IAM) sebelum mereka boleh menjadi akauntan umum, akauntan berdaftar, akauntan berlesen, juru odit atau penasihat cukai. Melalui pendaftar ini Majlis IAM dapat mengawasi aktiviti-aktiviti akauntan yang ada dalam negara ini termasuk menjalankan penyiasatan dan melaksanakan kuasa-kuasa disiplin ke atas ahli-ahli IAM yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan Akta tersebut. Akta ini juga memperuntukkan bahawa hanya calon-calon yang berkelayakan telah dilatih dan mempunyai pengalaman yang sesuai boleh menjadi ahli-ahli IAM.

Akauntan-akauntan yang tidak menjadi ahli IAM tidak dibenarkan bertugas sebagai akauntan umum. Lesen-lesen untuk mengodit akaun-akaun syarikat dikeluarkan oleh Menteri Kewangan kepada ahli-ahli IAM sahaja. Pembaharuan lesen tersebut yang dilakukan setiap tiga tahun sekali diluluskan setelah prestasi juru odit berkenaan dikaji bagi tahun-tahun yang lepas.

IAM menggalakkan ahli-ahlinya mengambil bahagian dalam program latihan lanjutan yang berterusan yang dianjurkan oleh institusi-institusi tempatan atau institusi-institusi di luar negeri. IAM juga menggalakkan ahli-ahlinya supaya melengkapkan diri

mereka dengan kemajuan-kemajuan semasa dalam bidang perakaunan, kos percukaian, undang-undang odit, komputer dan lain-lain perkataan penting yang berkaitan. IAM diberi kuasa untuk menganjurkan pemeriksaan-peperiksaan profesional di bawah Akta ini atau membantu institusi-institusi pengajian tempatan untuk meninggikan mutu dan standard pembelajaran perakaunan. Berasaskan perkara-perkara di atas bolehlah dikatakan bahawa setakat ini melalui penubuhan Institiut Akauntan Malaysia mengikut Akta Akauntan sedikit sebanyak kejayaan telah dicapai bagi melicinkan dan meningkatkan lagi taraf profesional perakaunan di Malaysia.

KEMPEN BERJIMAT CERMAT

2. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang dapat dijimatkan oleh negara berikutan dengan kempen berjimat cermat di seluruh negara sebagai satu acara mengatasi kemelesetan ekonomi dunia.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk berjimat cermat, Kerajaan telah mengurangkan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan tahun 1982 sebanyak \$3,489 juta. Dari jumlah tersebut sebanyak \$1,230 juta adalah di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan sebanyak \$2,259 di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan.

Bagi memastikan langkah-langkah berjimat cermat ini dijalankan, Kerajaan telah mengeluarkan garis-garis panduan kepada semua Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan selaras dengan pengurangan peruntukan tersebut.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui bahawa

pengurangan ini tidak akan dikenakan kepada projek-projek sosial atau projek-projek yang berkaitan dengan rakyat. Kalau begitu, adakah pihak Kerajaan bercadang tidak akan mengurangkan projek-projek seperti itu di dalam kajiannya bagi tahun 1983 akan datang?

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan bagi tahun 1983, saya rasa bolehlah kita ketahui pada 22hb Oktober yang akan datang ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menerangkan kepada Dewan ini garis-garis kasar atas kriteria apa pemotongan ini dibuat, sama ada pemotongan ini dibuat secara across the board ataupun ada kriteria yang lain di mana pemotongan ini berlaku.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, pemotongan-pemotongan dibuat hanya setelah kajian yang mendalam dijalankan. Misalannya bagi peruntukan pembangunan, sebelum pemotongan-pemotongan dibuat perbincangan telah diadakan di antara pihak Perbendaharaan dengan Kementerian-kementerian berkenaan dan hanya setelah persetujuan dicapai di antara kedua-dua belah pihak, barulah pemotongan itu dibuat.

Bagi peruntukan di bawah Pengurusan, ini juga hanya dibuat setelah difikirkan cara-cara yang menasabah. Sebagai misalan, tidak mengisi jawatan-jawatan kosong dan dengan itu kita akan mengurangkan dari segi gaji dan sebagainya.

Selain daripada itu, kita juga misalannya mengurangkan penggunaan telefon, kita juga memastikan supaya elau lebih masa diawasi betul-betul, seminar-seminar yang selalu kita hadir juga dikurangkan kecuali seminar-seminar itu betul-betul berfaedah, betul-betul mustahak. Sekiranya kita terpaksa menghadiri satu-satu Seminar, bilangan peserta

harus juga dikurangkan. Jadi, pada keseluruhannya memanglah pemotongan itu dibuat setelah difikirkan dengan sedalam-dalamnya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan saya tadi, saya telah bertanya adalah benar projek-projek yang berkaitan dengan rakyat ataupun projek-projek sosial tidak akan dipotong dan masalah tahun 1983 telahpun dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang sekali lagi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa adakah pemotongan daripada peruntukan ini telahpun dibuat kepada pemotongan terhadap pembangunan-pembangunan yang berkaitan dengan rakyat ataupun pembangunan-pembangunan sosial. Adakah pemotongan ini dibuat dari segi untuk menjimatkan perbelanjaan ini.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, bagi peruntukan tahun 1982, pada keseluruhannya, pemotongan tidak dibuat terhadap projek-projek sosial kecuali kita dapati projek itu tidak begitu mustahak.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapannya kepada soalan tambahan saya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bahawa di antara langkah jimat cermat termasuk tidak memenuhi jawatan-jawatan kosong. Saya ingin tahu sama ada ini bererti bahawa Operasi Isi Penuh yang sedang dijalankan sekarang ini akan berhenti atau diberhentikan buat sementara waktu dan apakah nanti kesannya kepada kecekapan pentadbiran awam oleh kerana seperti kita maklum sementara kita berjimat cermat pihak Kerajaan pula menjalankan langkah-

langkah yang bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kecekapan di dalam perkhidmatan awam.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa eloklah saya bacakan dengan lebih detail lagi berkenaan dengan pembekuan ke atas pengisian jawatan-jawatan kosong yang saya sebutkan tadi:

“Jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan Kerajaan, badan-badan berkanun adalah dibekukan dan tidak boleh diisi kecuali bagi jawatan-jawatan dalam Kumpulan A dan B dan jawatan-jawatan teknikal dalam Kumpulan C dan D. Bagi menggantikan jawatan-jawatan bukan teknikal dalam Kumpulan D, Jabatan-jabatan Kerajaan, badan-badan berkanun hendaklah menggunakan perkhidmatan kontrak. Pengisian jawatan-jawatan kosong dalam Kumpulan A dan B dan jawatan-jawatan teknikal dalam Kumpulan C dan D adalah dibenarkan dalam keadaan-keadaan tertentu. Misalannya kekosongan yang disebabkan oleh kenaikan pangkat, kekosongan yang disebabkan oleh pemergian seseorang pegawai ataupun kakitangan untuk mengikuti kursus ataupun kekosongan yang disebabkan oleh pertukaran, persaraan, kematian ataupun berhenti kerja ataupun dibuang kerja.”

Jadi, nyatalah bahawa memandang keadaan ekonomi yang agak meleset kita terpaksa lah memikirkan keupayaan kita sebelum mengisi tiap-tiap jawatan selaras dengan exercise isi penuh ini.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberitahu Dewan ini percentage (peratusan) penjimatan yang telah dibuat bagi Budget 1982 ini mengikut pecahan Kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir itu soalan yang berlainan, terkeluar daripada soalan asal. Soalan itu barangkali berkehendakkan notis terlebih dahulu.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah peraturan telah dibuat untuk menjimatkan perbelanjaan ini Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen dihadkan berjalan ataupun membuat lawatan ke negeri-negeri luar, ke kawasan sendiri ataupun memotong sedikit sebanyak elaun-elaun yang boleh diclaim mengikut yang biasa diclaim.

Tuan Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang dibuat oleh Menteri ataupun Timbalan Menteri di dalam perjalanan dibandingkan dengan keseluruhan peruntukan amatlah kecil sangat peratusannya. Walau bagaimanapun, sebagai yang bertanggungjawab Timbalan Menteri juga, misalnya kena potong gaji; elaun dan dipotong juga. Kalau memerlukan keterangan yang detail boleh saya beri di lain kali. Saya tidak dapat memberi keterangan secara detail di sini.

GURU BAHASA CINA DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH

3. Tuan Tan Kok Hooi minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar tentang kekurangan Guru bahasa cina di Sekolah-sekolah Menengah, terutamanya yang boleh mengajar penuntut-penuntut tingkatan 4 dan 5, dan jika ya, nyatakan tindakan beliau akan ambil supaya masalah ini dapat diatasi.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menyedari tentang kekurangan guru-guru di negara ini. Kekurangan ini bukan

sahaja bagi bahasa Cina tetapi juga bagi matapelajaran-matapelajaran lain termasuk bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

Kementerian Pelajaran sedang mengambil langkah yang perlu untuk menambahkan bilangan guru-guru bahasa Cina serta matapelajaran-matapelajaran lain melalui rancangan latihan perguruan.

SUBSIDI PERALATAN KEPADA NELAYAN

4. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah baru yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk menolong kaum nelayan mendapatkan injin motor sangkut baru, pukut baru dan lain-lain. Oleh kerana subsidi yang diberikan untuk membelinya telah ditarik-balik baru-baru ini memandangkan bahawa alat-alat menangkap ikan yang ada sekarang telah lama dan buruk dan akibatnya telah menjejaskan mata pencarian mereka.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, subsidi peralatan yang diberi kepada kaum nelayan seperti injin, pukut dan lain-lain adalah bertujuan untuk menolong nelayan memperolehi pendapatan yang memuaskan serta membolehkan mereka berdikari selepas itu.

Dengan demikian pemberian alat-alat menangkap ikan di bawah skim subsidi nelayan ialah sekali sahaja.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada subsidi yang telah diberikan kepada nelayan telah disalahgunakan ataupun diselewengkan. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk memastikan penyelewengan ini tidak berlaku lagi?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat ada kes-kes yang tertentu, silalah laporkan kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Soalan tambahan. Sebagaimana apa yang telah diterangkan sedikit sebanyak tadi oleh Menteri yang berkenaan bahawa subsidi yang diberikan kepada nelayan-nelayan hanya sekali sahaja, maka saya ingin mendapat tahu, apakah sebabnya pihak Kerajaan memberikan subsidi-subsidi kepada nelayan-nelayan ini hanya sekali sahaja, kenapa tidak berterusan dan kenapa tidak memberi bantuan-bantuan atau subsidi-subsidi yang boleh membawakan nelayan-nelayan itu hidup sebagaimana pemberian-pemberian yang sentiasa mereka berterima kasih, sebab dalam pandangan saya cara.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Ahli Yang Berhormat itu jangan memberi keterangan—tak dibenarkan memberikan keterangan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Sebagaimana apa yang terdapat bagi pihak-pihak nelayan-nelayan yang telah mendapat subsidi-subsidi apabila sahaja subsidi mereka itu tidak diperolehi lagi, maka mereka menjadi keluh kesah dan kadang-kadang bagi pihak Kementerian tidak pula memberitahu kepada mereka bahawa subsidi itu hanya sekali sahaja, bagi fahaman-fahaman mereka.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta jangan bagi penerangan. Tak boleh beri penerangan dalam soalan tambahan. Soalan tambahan maknanya semata-mata soalan tambahan, bukan penerangan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, subsidi-subsidi yang diberikan oleh pihak Kementerian yang berkenaan itu,

kenapakah tidak diberi sentiasa ataupun diberi supaya mereka dapat menerima misalnya 5 bulan sekali ataupun 4 bulan sekali, supaya mereka sentiasa boleh berterima kasih dan bersyukur di atas apa yang didapati daripada pihak Kerajaan.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya terangkan tadi di dalam soalan asal bahawa subsidi itu adalah cuma menolong sahaja, satu subsidi yang memberi pertolongan kepada pihak nelayan-nelayan untuk memperolehi pendapatan yang lebih tinggi sedikit dan selepas itu untuk menggantikan segala peralatan-peralatan yang telah diberi itu, terpaksa ditanggung oleh nelayan itu sendiri. Ini menjadi dasar kita dan telahpun diterangkan kepada nelayan-nelayan.

Tuan Dusuki bin Haji Ahmad: Soalan tambahan. Berhubung dengan soalan ini, apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa nelayan-nelayan yang pergi ke laut ini kawasan-kawasan di laut itu disempadankan kepada mereka sehingga menyulitkan kepada mereka hendak menentukan antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain. Contohnya, nelayan-nelayan daripada kawasan Tumpat pergi ke laut agak sulit untuk hendak menentukan hanya kawasan sempadannya iaitu kawasan Tumpat sahaja, tetapi masuk kawasan Besut ada pegawai-pegawai yang berkenaan akan menangkapnya. Ada satu istilah yang digunakan oleh pihak Perikanan ini yang dinamakan "Ketuk Kepala" ertinya kepala perahu ini diketuk menunjukkan ini hanya perahu nelayan Tumpat, nelayan Bacuk sahaja. Ini nelayan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tambahan itu tak bersangkutan dengan soalan asal.

Tuan Dusuki bin Haji Ahmad: Begini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, apakah Yang

Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa dalam masalah nelayan ini pihak Kementerian yang berkenaan menentukan sempadan di tengah laut yang menyulitkan golongan-golongan nelayan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu tak bersangkut, kerana soalan asal ini untuk mendapatkan enjin motor sangkut baru, pukut baru dan lain-lain. Saya minta Yang Berhormat boleh faham.

Yang Berhormat Datuk Alfred Jabu.

(Soalan No. 5 Y.B. Datuk Alfred Jabu anak Numpang tidak hadir)

CAWANGAN JABATAN/ KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR

6. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa peranan yang dijalankan oleh Kementerian begitu penting sekali kepada rakyat dalam negara, terutamanya bagi penduduk-penduduk luar bandar. Adakah Kementerian bercadang supaya Jabatannya diwujudkan di peringkat daerah dan di peringkat negeri di seluruh negara. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, Ya. Saya sedar. Walau bagaimanapun mengenai bahagian kedua soalan Yang Berhormat itu dimaksudkan sebagai Bahagian Alam Sekitar, maka sukacita diberitahu bahawa memang ada diwujudkan pejabat-pejabat di peringkat wilayah. Mengenai penubuhan di peringkat negeri dan daerah itu, dukacita diberitahu bahawa oleh kerana langkah-langkah ekonomi

(economy drive), cadangan untuk membuka pejabat-pejabat tambahan di peringkat itu terpaksa ditangguhkan. Namun begitu, jika didapati perlu, pertimbangan akan diberi untuk menubuhkan pejabat-pejabat cawangan di negeri-negeri yang lebih besar bergantung kepada keadaan kewangan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bahawa terdapat laporan-laporan pencemaran alam, misalnya pembinaan quarry di tengah-tengah kampung tetapi apabila kita menunggu kepada tindakan, tindakan tidak diambil dan quarry itu tetap berjalan dan membahayakan orang-orang kampung. Jadi apakah penyiasatan ini tidak disertakan dengan tindakan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa soalan itu soalan lain, jika Yang Berhormat Menteri hendak jawab, boleh jawab juga. Ini soalan tak berbangkit.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini bersangkutan.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap janganlah bertanya atas keputusan saya, keputusan saya mengikut peraturan adalah muktamad.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: Soalan tambahan. Mengenai kepentingan penduduk luar bandar, apakah tindakan yang dibuat oleh Kementerian kepada kilang-kilang yang mencemarkan air-air sungai yang menyebabkan matinya ikan-ikan dan udang-udang galah menjadikan nelayan sungai hilang mata pencariannya.

Tuan Yang di-Pertua: Itu pun pada fikiran saya tak berbangkit daripada soalan asal. Pertanyaan asal ialah bercadang hendak mewujudkan di

peringkat Daerah dan peringkat Negeri—itu sahaja, jabatan-jabatan itu hendak dibuat cawangan di daerah dan di negeri, tak ada disebut bersangkutan dengan quarry, bersangkutan dengan udang galah dan sebagainya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan oleh kerana peranan penting Kementerian ini dan sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa peranan Kementerian ini tidak sangat diketahui oleh orang ramai oleh kerana barangkali kerja-kerjanya hanyalah semata-mata mengawal pencemaran dan sebagainya. Sebagai langkah untuk memperkenalkan lagi aktiviti-aktiviti Kementerian ini, apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak Kementerian supaya rakyat dapat menafaat yang lebih besar daripada wujudnya Kementerian ini?

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya mengeluarkan risalah-risalah dan majalah-majalah bagi pengetahuan orang awam tentang peranan yang dimainkan oleh Kementerian saya.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dengar apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tadi tidak boleh wujud Pejabat-pejabat di peringkat Negeri dan daerah disebabkan masalah ekonomi negara. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa peranan yang dimainkan oleh Kementerian ini begitu penting, kadang-kadang di peringkat Negeri terpaksa dipanggil dan ada pegawai tidak pergi ke Negeri, inilah sebab yang saya bawa masalah ini.

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, saya memang sedar betapa pentingnya peranan Kementerian saya kepada rakyat dan negara, tetapi

disebabkan keadaan kewangan semasa. Oleh yang demikian, pegawai-pegawai Kementerian saya telahpun digesa untuk bekerja kuat lagi.

Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Kementerian yang berkenaan tidak dapat mengadakan pejabatnya di peringkat daerah dan peringkat Negeri, jadi adakah benar bahawa tindakan-tindakan yang diambil sekarang adalah berdasarkan kepada komplek atau rungutan orang ramai sahaja ataupun datangnya daripada peringkat-peringkat daerah dan peringkat bawah. Kalau tidak benar, apakah pendekatan yang dibuat oleh Kementerian yang berkenaan untuk mengelakkan pencemaran-pencemaran yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya itu am sangat. Pertanyaan itu kenalah beri notis dahulu dan pada fikiran saya tidak bersangkutan dengan perkara yang berbangkit dalam soalan ini.

Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada cawangan ataupun Jabatan Alam Sekitar di Sabah. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan apakah peranan sebenarnya yang dimainkan oleh Jabatan tersebut dan juga saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan berapa kes pencemaran yang sedang dan telah dikemukakan ataupun dihadapkan ke mahkamah?

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan notis.

Tuan Yang di-Pertua: Kena notis dahulu, jika hendak bertanya berapa banyak, berapa per cent, kena beri notis dahulu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya telah menjadi satu syarat

bagi pembinaan kilang atau pembinaan sebarang perusahaan di luar bandar mendapat kelulusan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mengelakkan pencemaran. Jadi apakah langkah Kementerian ini bagi mengatasi dan mencegah pencemaran di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itupun tidak berbangkit daripada soalan ini.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi saya dengar Menteri yang berkenaan mengatakan peruntukan tidak cukup di Kementerian beliau, jadi saya minta Menteri yang berkenaan itu masa Budget minta ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Menteri yang berkenaan berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ini yang mana pak Menteri duduk di Kuala Lumpur, jadi adakah beliau sedar bahawa pencemaran alam, pencemaran air banyak berlaku di kawasan luar bandar. Jadi berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan oleh wakil dari Ulu Muda ini, saya berharap kepada Menteri yang berkenaan, adakah beliau sedar apabila mendapat peruntukan nanti akan diadakan pula pejabat-pejabat di peringkat Negeri dan di peringkat daerah.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi saya ingat Yang Berhormat Menteri sudah jawab soalan itu sebabnya tidak boleh dibuat di peringkat daerah dan peringkat Negeri ialah pada masa sekarang ini tidak cukup wang. Kalau ada cukup wang dibuatlah.

Tuan Mohamad Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, masalahnya sekarang tidak cukup, tetapi adakah Menteri bercadang hendak menambahkan peruntukan itu di dalam Budget akan datang dan

adakah Menteri berkenaan akan bercadang pula hendak mengadakan pejabat-pejabat di peringkat Negeri dan daerah.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab "Yalah" (*Ketawa*).

Datuk Stephen Yong Kuet Tze: Perkara ini adalah kuasa Kabinet.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini apakah habuk-habuk daripada lalang Sarawak yang menyerang Malaysia yang.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat soalan ini tidak berbangkit (*Ketawa*). Yang Berhormat yang ke belakang sekali. Soalan itu sudah banyak dibangkitkan.

Tuan Kadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya rasa oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia pada petang ini begitu berminat tentang pencemaran udara ini maka saya rasa besar kemungkinan Menteri yang berkenaan akan mengubah pendirian iaitu untuk mewujudkan pula semula pejabat di peringkat Negeri dan daerah, dan oleh kerana itu, inginlah saya bertanya sama ada Kementerian ini sedar bahawa tidak ada pakar-pakar yang tahu tentang masalah untuk mengatasi masalah pencemaran kilang-kilang baja ikan. Jadi, bagaimana tentang keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Kilang-kilang baja.

Tuan Kadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini adalah berkenaan dengan pejabat diwujudkan di peringkat daerah dan di peringkat Negeri—tidak bersangkutan dengan kilang baja itu.

Tuan Kadri bin Sabran: Maksud saya begini, Tuan Yang di-Pertua. Jika sekiranya Kementerian ini mengubah pendirian iaitu daripada tidak mahu mewujudkan pejabat di peringkat Negeri dan daerah kepada mewujudkan pula pejabat di peringkat Negeri dan daerah dan apabila nanti telah wujud pejabat-pejabat di peringkat itu, adakah bidang-bidang tugas di situ nanti meliputi kepada tugas-tugas untuk mengatasi masalah pencemaran bau busuk daripada kilang-kilang baja ikan.

Tuan Yang di-Pertua: Di dalam peraturan kita, kita tidak boleh bertanyakan soalan-soalan yang jawapannya ialah spekulasi—tidak boleh.

JABATAN HAIWAN BATANG MERBAU—KEHILANGAN LEMBU

7. Tuan Haji Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Pertanian menerangkan punca-punca sebenar tentang kehilangan lembu-lembu di Ladang ternakan Jabatan Haiwan, Batang Merbau di Tanah Merah Kelantan dan sama ada sebab-sebab ini adalah kecurian, mati oleh kerana tidak bersesuaian iklim atau tidak sempurnanya jagaan pihak Jabatan dan berapa jumlah kehilangan yang sebenar.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kematian sebenar dalam masa 7 bulan adalah 397 ekor dari jumlah 2,625 ekor termasuk kematian anak dan ternakan yang diasingsingkir kerana tidak sesuai untuk dibiak.

Kematian anak adalah disebabkan oleh faktor-faktor biasa seperti cirit birit, kelemahan semasa dilahir, kurang keupayaan ibu. Kesemuanya itu adalah keadaan yang paling biasa belaka di mana-mana sahaja di dunia ini, apabila lembu dipelihara dengan banyak.

Di samping itu, hanya ternakan yang bermutu sahaja dikekalkan dan dibiakkan. Yang kurang baik dan yang tidak sesuai dibiak diasingsingkirkan. Tindakan ini adalah proses biasa dalam usaha pembiak.

Kecurian memang tidak berlaku. Kesesuaian iklim tidak juga menjadi masalah.

Daripada angka-angka yang tersebut di atas, hitung panjang kadar kematian/asingsingkir hanyalah 2.1% setahun, ini adalah lebih rendah daripada kadar yang boleh diterima, iaitu sebanyak 4% setahun, dalam mana-mana pemeliharaan ternakan di seluruh dunia.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Minta Menteri yang berkenaan apakah di antara lembu-lembu yang mati itu di Batang Merbau ini ada yang kena tembak?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

DAUN TEMBAKAU KERING

8. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah benar bahawa daun tembakau kering di peringkatkan kepada 14 gred. Jika benar tidakkah gred yang begitu banyak boleh menggalakkan penipuan terhadap pengawit-pengawit. Apakah Kerajaan bercadang mengurangkan gred dan memberi harga berpatutan kepada daun tembakau.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tembakau kering tidaklah digredkan kepada 14 gred tetapi lebih banyak daripada itu, iaitu kepada 22 gred. Gred sebanyak ini tidaklah menggalakkan penipuan terhadap pengawit-pengawit kerana Kerajaan melalui Lembaga Tembakau Negara sentiasa mengawasi aktiviti-aktiviti pemasaran daun kering. Di samping itu, peraturan

bagi menentukan gred daun kering juga dikuatkuasakan bagi mengelakkan penyelewengan di dalam menentukan gred tembakau kering. Pengawit-pengawit juga diberi kursus mengenai cara menentukan gred bagi membolehkan mereka mahir dalam hal ini.

Setakat ini Kerajaan tidak ber-cadang untuk mengurangkan jumlah gred daun kering oleh kerana bilangan gred yang ada sekarang bertujuan untuk memberi pulangan yang menasabah kepada pengawit-pengawit. Di negara-negara pengeluar tembakau yang lain, jumlah gred-gred tembakau keringnya adalah lebih banyak daripada yang ada di Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan sememangnya membuat kajian dari masa ke semasa bagi menentukan bahawa struktur gred yang ada sekarang sesuai untuk diamalkan. Mengenai harga daun tembakau pula, Kerajaan berpendapat bahawa struktur harga daun hijau dan kering yang ada sekarang adalah berpatutan. Kerajaan sentiasa membuat kajian dari masa ke semasa untuk memastikan bahawa struktur harga yang ada pada masa ini sesuai untuk diamalkan bagi satu-satu masa tertentu.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak berhasrat untuk mengurangkan gred-gred tembakau. Bolehkah Timbalan Menteri menukar kalau tidak digredkan tembakau itu tetapi digredkan tembakau itu: 1 sampai 7 gred A—harganya satu; 8 hingga 14 misalnya satu, begitu seterusnya sampai 22. Bolehkah dibuat demikian.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, dengan wujudnya sistem yang ada sekarang bila mana tembakau ini digred kepada 22 gred maka didapati masalahnya tidak

timbul. Jadi sekiranya didapati oleh Kementerian cadangan saudara itu baik, insya-Allah akan dikaji.

UNDANG-UNDANG “COMMON LAW” TERHADAP MAJIKAN

9. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa seorang pekerja di bawah Perkeso tidak dibenarkan membawa sungutannya menurut undang-undang “common law” ke mahkamah dan ini telah mencabul kepentingan para pekerja. Oleh demikian adakah beliau bercadang untuk mengembalikan hak di bawah undang-undang “common law” untuk bertindak terhadap majikan-majikan yang kurang cermat.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah diberi secara bertulis semasa menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 13hb Oktober. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar sama sekali jika dikatakan bahawa seseorang yang terlibat dalam kemalangan tidak boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang biasa (common law). Sebenarnya orang yang terlibat itu hanya tidak boleh mendakwa majikannya sendiri memandangkan bahawa pihak majikan yang membuat caruman kepada Perkeso di bawah Skim Perkeso. Walau bagaimanapun, pihak yang terlibat itu boleh mengambil tindakan di bawah undang-undang biasa terhadap pihak yang ketiga. Sebagai contoh, jika seseorang jurujual diarah oleh majikan berjumpa dengan seorang pelanggan dan dalam perjalanannya itu beliau dilanggar oleh sebuah kereta, jurujual ini boleh

mendakwa pemandu kereta yang melanggarnya di bawah undang-undang biasa (common law).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Quah Wee Liam—tidak hadir.

(Soalan No. 10 Y.B. Tuan Quah Wee Liam tidak hadir)

PERKEMBANGAN KEGIATAN ISLAM

11. Tuan Awang bin Jabar minta Perdana Menteri menyatakan apakah 'Formula' yang digunakan oleh Kerajaan dalam menyebarkan cara hidup Islam di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, formula yang dikemukakan oleh Kerajaan di antara lain adalah seperti berikut:

- (i) Galakan umum terhadap perkembangan kegiatan Islam di negara melalui:
 - Badan-badan Kerajaan seperti Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam, Jabatan-jabatan Ugama Negeri, Yayasan Dakwah Islamiah.
 - Badan-badan dakwah sukarela yang diberikan kebebasan dan galakan oleh Kerajaan.
 - Pelajaran Islam di semua peringkat di sekolah-sekolah — peringkat rendah dan menengah.
- (ii) Penubuhan institusi-institusi seperti Bank Islam di bidang ekonomi; Maktab Perguruan Islam; Kursus Tamadun Islam di peringkat universiti dan kini universiti Islam Antarabangsa di bidang pendidikan.

(iii) Melalui pertemuan yang berterusan di antara pemimpin dan ulamak dalam negeri dan di peringkat antarabangsa untuk merumuskan langkah-langkah yang dianggap bijaksana sesuai dengan iklim serta kenyataan politik tempatan dan realiti masyarakat majmuk di Malaysia.

- Secara khusus, sebuah Badan Perunding Islam telah diwujudkan untuk menasihati Kerajaan tentang cara-cara bagaimana unsur-unsur Islam boleh dijadikan asas dan pegangan dalam usaha-usaha pembangunan dan pentadbiran negara. Semenjak ditubuhkan, Badan Perunding Islam ini telah menyingkap banyak perkara-perkara dalam bidang ekonomi, perundangan, etika/sosial supaya dapat diterapkan nilai-nilai Islam dalam bidang-bidang tersebut.
- perlu juga dijelaskan bahawa langkah-langkah ke arah mewujudkan Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah; membenters rasuah; menghapuskan kemiskinan dan menyatupadukan rakyat pelbagai kaum adalah juga selaras dengan formula Islam.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah formula-formula yang telah disebutkan tadi menepati dengan satu formula Al-Quran yang bermaksud, "Menyeru

kepada kebaikan, menyuruh kepada kebaikan/keelokkan dan mencegah kemungkaran.”

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang disebutkan ini sudah tentulah sesuai dengan tafsiran Al-Quran tersebut iaitu menyeru kepada kebaikan dan melarang kepada kemungkaran.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Soalan tambahan. Saya minta Timbalan Menteri yang berkenaan tolong memberi penjelasan apakah termasuk dalam formula Islam itu usaha untuk menghapus, membenters segala sarang maksiat yang bertaburan dalam Malaysia sekarang ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah committed untuk mengambil langkah-langkah secara peringkat-peringkat untuk menghapuskan gejala-gejala maksiat yang dimaksudkan tadi.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapannya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menegaskan bahawa di antara langkah-langkah untuk menyerapkan cara hidup Islam yang dijalankan di negara ini ialah usaha menyatupadukan ummah. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa ada pihak-pihak parti-parti politik yang tidak bertanggungjawab yang kononnya memperjuangkan cita-cita Islam tetapi sebaliknya menjalankan kerja-kerja memecahbelahkan umat Islam bahkan ada pula yang menyebarkan petua-petua yang ternyata bertentangan dengan semangat dan kandungan Al-Quran dan Hadis. Kalau sedar, apakah langkah-langkah positif yang akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi menyekat aktiviti-aktiviti yang tidak sihat ini supaya ummah umat Islam dapat dipelihara.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa ada pihak-pihak yang berkenaan termasuk parti-parti Pembangkang yang terlibat dalam isu kafir-mengkafir ini dan Kerajaan sekarang sedang merangka langkah-langkah sama ada melalui penjelasan kepada masyarakat umum dan juga pindaan kepada peruntukan undang-undang supaya perkara tersebut dapat dikawal.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Kursus Tamadun Islam akan diperkenalkan di peringkat universiti. Ini memang wajar kerana Islam sering disalah fahamkan terutamanya oleh orang-orang yang bukan Islam. Akan tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Kerajaan ada bercadang untuk memperkenalkan kepada pelajar-pelajar universiti tamadun-tamadun lain yang juga mempengaruhi negara ini terutamanya tamadun-tamadun timur seperti tamadun India, Tionghua, Jepun dan sebagainya supaya dapat mewujudkan kesefahaman di kalangan pelajar-pelajar di universiti.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya telah sebutkan bahawa penyerapan nilai-nilai Islam ini juga adalah berasaskan kepada iklim politik dan realiti hidup masyarakat kita. Justeru itu dalam memperkenalkan Kursus Tamadun Islam umpamanya sudah tentulah kenyataan sejarah, pengaruh kebudayaan-kebudayaan yang wujud di Malaysia itu dipertimbangkan supaya ia juga dimasukkan ke dalam kurikulum tersebut.

Tuan Haji Hashim bin Haji Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang

diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi katanya satu Badan Perunding Islam telah wujud. Apakah tanggungjawab Badan Perunding Islam selama ini, adakah ini termasuk Badan Perunding Islam menyasiat di hotel-hotel yang memberi makanan kepada rakyat sama ada makanan itu halal atau tidak ataupun adakah Badan Perunding ini dimasukkan tugasnya pergi ke kampung mencari sebab mengapa satu masjid sembahyang dua imam dan mengapa pulau-memulau; dia duduk di kampung A tetapi dia pergi sembahyang di kampung C. Adakah ini termasuk di dalam Badan Perunding Islam yang ditubuhkan oleh Kerajaan tadi?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Badan Perunding Islam ini bertaraf advisory, menasihati Kerajaan kerana komposisi keanggotaan Badan ini adalah di kalangan sarjana-sarjana dan juga ulama-ulama. Mereka ditugaskan untuk memberi pandangan dan cadangan kepada Kerajaan dalam melaksanakan projek-projek ataupun dasar-dasar Kerajaan, membuat penilaian tentang langkah-langkah yang diambil dalam bidang ekonomi, sosial dan politik untuk menentukan bahawa langkah-langkah tersebut adalah sesuai dengan harapan dan cita-cita Islam.

Mengenai tindakan terhadap barang-barang makanan, ini diusahakan oleh Pusat Penyelidikan Islam di Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri dengan penyertaan golongan ugama dan pakar-pakar sains serta pakar-kaji makanan dari universiti-universiti tempatan dan Pusat-pusat Penyelidikan. Dan merekalah yang bertanggungjawab untuk menentukan tentang keadaan makanan termasuk yang didapati di hotel-hotel seperti mana yang dialami oleh Ahli Yang Berhormat itu (*Ketawa*).

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah beliau sedar bahawa amalan-amalan yang sedang berjalan dalam masyarakat kita sekarang banyak yang bertentangan dengan ugama Islam. Sebagai contoh bila Kerajaan hendak membuka sesuatu projek diadakan upacara tepung tawar, kemudian bila meraikan harijadi pembesar-pembesar diadakan upacara menghembus lilin dan sebagainya dan dalam Kementerian kita iaitu Kementerian Kewangan ada satu perniagaan kedai tuak Kerajaan. Jadi perkara-perkara ini sangat bertentangan sama sekali dengan ajaran ugama Islam. Apakah tindakan segera yang akan diambil oleh Kementerian yang berkenaan?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, banyak daripada perkara-perkara yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu sudahpun dikaji dan dirumuskan oleh Badan Perunding Islam dan sebenarnya banyak daripada perkara-perkara tersebut telahpun dihentikan. Tetapi Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa hal-hal ini mestilah diambil langkah melalui peringkat demi peringkat. Soal hembus lilin ini, Tuan Yang di-Pertua tidaklah pula bertentangan dengan ugama Islam. Hendak hembus lilin banyak manapun tidak ada haram halalnya, jadi terpulanglah kepada kemampuan ekonomi masing-masing. Soal lesen untuk kedai tuak ini pun satu soal yang sedang dikaji kerana menjual, membeli dan meminum oleh kalangan bukan Islam itu tidak dilarang dalam Islam. Islam hanya melarang arak di kalangan orang-orang Islam, sebab itulah Kerajaan sedang mengadakan satu Jawatankuasa menyelidik betul-betul tentang implikasi undang-undang yang terlibat atau bersangkutan-paut dengan soal arak ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan penghabisan.

Tuan Lim Liang Seng: Tuan Speaker, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri beliau mengatakan bahawa Kerajaan dalam usaha-usaha menyerapkan cara hidup Islam di negara ini, Maktab Perguruan Islam akan ditubuhkan. Saya minta maklumat yang lebih daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang objektif Maktab Perguruan ini, tarikh dan di mana tempat Maktab ini akan ditubuhkan?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa penjelasan yang lanjut akan dan telah diberikan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Maktab Perguruan Islam ini telahpun diwujudkan sekarang ini di Petaling Jaya dan tujuannya adalah untuk melatih bakal-bakal guru yang akan mengajar matapelajaran Agama Islam di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia.

PEGUAM ASING KE MALAYSIA

12. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan apakah reaksi Kerajaan terhadap lawatan 7 orang peguam asing ke Malaysia dalam bulan Ogos tahun ini. Adakah Kerajaan menerima apa-apa laporan mereka, jika ada, sila nyatakan isi kandungannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membenarkan 7 orang peguam asing yang mewakili kumpulan-kumpulan hak asasi manusia melawat negara ini dalam bulan Ogos yang lalu dengan tujuan untuk membolehkan mereka melihat dengan sendirinya keadaan yang sebenar tentang keadaan tempat tahanan dan juga orang-orang tahanan di negara ini kerana tidak ada yang hendak kita sorokkan dari

pengetahuan mereka. Ini membuktikan juga bahawa amalan demokrasi dan hak asasi manusia adalah sentiasa dipelihara dan terjamin di negara ini.

Setakat ini Kerajaan belum lagi menerima apa-apa laporan dari kumpulan peguam itu.

Tuan Ismail bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri adakah benar kononnya selepas kepulangan peguam-peguam ini balik ke negara mereka, mereka merasa menyesal di atas penerimaan mereka yang dipanggil oleh pihak-pihak tertentu datang ke sini?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat tentang ini.

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang di-Pertua, 7 orang peguam asing datang ke Malaysia dalam bulan Ogos tahun ini semata-mata mencampur tangan urusan rumahtangga kita. Saya telah difahamkan Kerajaan telah memberi layanan dan kini sedia menerima laporan mereka. Tidakkah ini akan menjatuhkan imej Malaysia di antarabangsa.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, tidak sekali.

BIASISWA NEGARA ASING— TAWARAN

13. Dr Tan Seng Giaw meminta Perdana Menteri menyatakan berapa biasiswa yang ditawarkan oleh negara-negara asing kepada negara kita sejak 1 Januari 1978 hingga 30 September 1982 dan berapa biasiswa itu yang telah diterima; berapa biasiswa yang telah dikemukakan oleh Organisasi Kesihatan Dunia, WHO dari 1 Januari 1978 hingga 30 September 1982 dan berapa banyak yang diterima oleh negara kita.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, dari 1 Januari 1978 hingga 30 September 1982, Malaysia telah menerima tawaran biasiswa dari negara asing sebanyak 2,826. Dari jumlah tawaran itu sebanyak 2,155 biasiswa telah dapat digunakan.

Dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pula, negara kita telah menerima tawaran biasiswa sebanyak 186 dan dari jumlah tawaran sebanyak 130 dapat digunakan.

Dr Tan Seng Giaw: Mengapa yang bakinya tidak digunakan?

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, sebabnya ialah ada juga sebilangan biasiswa yang ditawarkan itu terlalu lewat untuk kita mengambil peluang menerima. Oleh sebab itulah maka didapati sebilangan biasiswa yang ditawarkan itu tidak dapat diterima ataupun ertinya tidak dapat memilih pelajar ataupun pelatih untuk menerima biasiswa itu supaya dapat dihantar bagi latihan-latihan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian hendak bertanya lagi?

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan, katanya ada biasiswa-biasiswa itu tidak dapat diterima kerana lewat. Apakah tindakan Kementerian berkenaan, sama ada kita beri tahu supaya biasiswa itu beri awal kepada kita supaya orang kita boleh terima.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal-hal yang seperti itu apabila kita jawab kita tidak dapat terima, kita menyatakan bahawasanya ini disebabkan tawaran lewat dan harap lain kali beri cepat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa untuk soalan-soalan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5, 10 dan 14 hingga 19 adalah diberi di bawah ini)

ASRAMA SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH/MENENGAH

5. Datuk Alfred Jabu anak Numpang minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan telahpun menyeru rakyat supaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah, apakah langkah-langkah yang sudah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menyediakan lebih banyak lagi kemudahan asrama di sekolah-sekolah rendah dan menengah di kawasan bandar dan luar bandar untuk meringankan bebanan ibu-bapa yang kini tidak dapat menempatkan anak-anak mereka tinggal di sekolah-sekolah berasrama kerana pihak Jabatan Pelajaran masa ini menghadkan bilangan murid dan hanya mereka yang datang dari kawasan jauh (lebih 4 batu) akan diterima untuk menginap di asrama.

Dr Tan Tiong Hong: Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menyediakan lebih banyak kemudahan asrama bagi pelajar-pelajar di kawasan luar bandar dan bandar, maka dalam Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian saya merancang pembinaan sejumlah 120 buah asrama bagi Sekolah Rendah dan Menengah di seluruh negara di mana dijangka seramai 20,780 pelajar akan ditempatkan. Sehingga ini 43 buah projek telah siap dibina dan sejumlah 32 projek lagi sedang dalam pembinaan. Di samping itu baki sejumlah 45 buah projek lagi berada dalam peringkat awal pelaksanaan dan dijangka siap sebelum akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat.

KAMPUNG BARU—MELUASKAN

10. Tuan Quah Wee Liam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meluaskan kawasan kampung-kampung baru untuk menempatkan penduduk yang kian bertambah di dalam kampung-kampung baru ini. Bolehkah Kerajaan mengambil kawasan di sekeliling kampung baru untuk dijadikan lot-lot perumahan dan kemudian dijual kepada penduduk kampung-kampung baru itu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hal-hal yang bersabit dengan tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah diberitahu bahawa terdapat beberapa buah negeri telah merancang untuk memperluaskan kawasan kampung baru seperti di Negeri Selangor dan Negeri Sembilan. Kementerian saya ada membuat perhubungan yang rapat serta kerjasama yang erat dengan kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan mengenai hal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu.

Mengenai pengambilan kawasan di sekeliling kampung baru untuk dijadikan lot-lot perumahan dan kemudiannya dijual kepada penduduk kampung baru, Kerajaan telah berusaha berbuat demikian. Daya usaha tersebut adalah tertakluk kepada tanah yang sedia ada yang boleh diambil-balik di kawasan-kawasan kampung baru. Untuk menampung keperluan perumahan penduduk di kampung baru, Kerajaan telah dan sedang melaksanakan projek-projek rumah awam kos rendah di sekeliling kawasan kampung-kampung baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu. Setakat ini sebanyak 45 buah projek perumahan awam kos rendah sedang dilaksanakan

dan unit perumahan yang akan dapat disediakan melalui projek-projek ini adalah dalam lingkungan 9,000.

PROJEK PEMBIAKAN IKAN MAJUTERNAK

14. Puan Hajjah Wan Zainab binti M.A. Bakar minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh mana kejayaan yang dicapai oleh projek pembiakan ikan Majuternak di Sungai Merbok, Kedah dan sama ada satu yunit pakar dalam penternakan ikan akan ditubuhkan untuk meneliti dan mengawasi perjalanan projek itu supaya ianya benar-benar berjaya.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia mempunyai 3 jenis projek di Sungai Merbok iaitu:

- (1) Projek Penetasan Ikan dan Udang
- (2) Projek Ternakan Udang Dalam Kolam
- (3) Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar

Satu pusat penetasan (secara kecil-kecilan) telah ditubuhkan di Tanjung Dawai sejak 1979. Projek penetasan telah berjaya menetas 3 jenis ikan/udang iaitu ikan siakap, udang belang dan udang putih. Memandangkan kepada kejayaan ini, LKIM sedang membina satu Pusat Penetasan yang besar di Sungai Merbok dengan keupayaan pengeluaran sebanyak 0.75 juta ekor siakap, 4.5 juta ekor udang belang dan 4.8 juta ekor udang putih. Pembinaan projek ini telah hampir siap dan dijangka akan mula operasi pada awal 1983. Seorang pakar dari FAO akan ditempatkan di Pusat ini, untuk membantu operasi.

Berhubung dengan projek ternakan Udang dalam kolam sejumlah 70 buah kolam dalam kawasan seluas 60 hektar telah dibina.

Jenis udang yang diternak ialah udang belang dan udang putih. Sehingga sekarang kejayaan memuaskannya.

Seorang Master Fish Farmer dari FAO akan ditempatkan di Projek ini untuk membantu dalam meningkatkan pengeluaran dan teknik-teknik ternakan yang baru.

Ternakan ikan dalam sangkar dijalankan dimuara Sungai Merbok. Setakat ini, 30 keluarga telahpun dilengkapi dengan 12 sangkar seorang. Jenis ikan yang diternak ialah ikan siakap dan ikan kerapu. Projek ini dilancarkan sejak Mei, 1981. Dalam tempoh satu tahun, peserta berjaya mendapatkan pendapatan sampingan sebanyak \$200 bulan.

JIMAT CERMAT ATAS PER- UNTUKAN JABATAN PELAJARAN NEGERI

15. Wan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar adanya penarikan balik peruntukan kepada Jabatan Pelajaran Negeri-negeri. Jika ada berapakah jumlah bagi tiap-tiap negeri.

Dr Tan Tiong Hong: Selaras dengan arahan Perbendaharaan supaya Kementerian-kementerian melaksanakan langkah-langkah berjimat cermat maka peruntukan Kementerian Pelajaran telah juga dikurangkan daripada peruntukan asalnya. Implikasi daripada arahan ini Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan untuk memotong peruntukan Belanja Mengurus 1982 bagi semua pusat tanggungjawab termasuklah Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri. Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu di mana satu-satu negeri itu memerlukan peruntukan yang lebih sedikit, kadar potongan adalah disesuaikan dengan keadaan.

PERMOHONAN KERAKYATAN— PERCEPATKAN PROSES

16. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada langkah telah diambil untuk mempercepatkan proses mengenai permohonan kerakyatan dan jika benar berapa lamakah seseorang pemohon dalam keadaan biasa boleh memperolehi kerakyatannya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam): Kerajaan adalah sentiasa mengambil langkah-langkah yang sewajarnya ke atas permohonan-permohonan kewarganegaraan yang diterima dan pertimbangan yang saksama diberi kepada tiap-tiap permohonan.

Sebenarnya masa yang diambil untuk memproses sesuatu permohonan kewarganegaraan adalah tidak lebih daripada masa yang diperlukan. Proses menimbang dan memutuskan permohonan ini adalah dibuat dengan secara teliti dan mendalam terhadap kebenaran dokumen-dokumen yang dikemukakan serta keterangan latar belakang pemohon itu sendiri.

BANGSA MELAYU/CINA/INDIA— BILANGAN BUKAN WARGA- NEGARA

17. Tuan Yew Foo Weng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa ramai orang dari 3 bangsa iaitu Melayu, Cina dan India adalah dilahirkan di negeri ini tetapi masih bukan Warganegara lagi sampai 31hb Ogos, 1982.

Dato' Musa Hitam: Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tersebut adalah kurang jelas. Namun demikian jika soalan tersebut dimaksudkan kepada kategori pemohon-pemohon Kewarganegaraan yang lahir di sini dan masih belum mendapatkan Warganegara mereka sehingga 31hb Ogos, 1982 ialah berjumlah 1,700

permohonan. Adalah menjadi dasar Kementerian ini tidak menyimpan rekod mengikut kaum.

KEMASUKAN PEKERJA-PEKERJA DARI INDONESIA

18. Dato' Lee Kim Sai minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sebab-sebab pengumuman laporan Kabinet mengenai pekerja-pekerja dari Indonesia yang memasuki negara secara haram telah ditangguhkan.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Mak Hon Kam): Saya tidak dapat memberi sebab-sebab mengapa laporan Kabinet yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ditangguhkan pengumumannya oleh kerana tidak ada laporan sedemikian.

Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli yang Berhormat itu ialah mengenai kajian yang dijalankan mengenai kekurangan tenaga buruh. Kajian mengenai kekurangan tenaga buruh di sektor-sektor perladangan dan pembinaan di negara ini telahpun dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan dan swasta yang berkenaan. Sementara itu terdapat pekerja-pekerja asing yang telah diambil untuk mengisikan kekurangan tenaga buruh di sektor-sektor tersebut. Memandangkan kepada perkembangan ini, Kerajaan sedang mengkaji perkara ini dengan mendalam dan setakat ini tidaklah dapat saya membuat apa-apa kenyataan yang lain.

IJAZAH/DIPLOMA NEGERI JEPUN/KOREA—IKTIRAF

19. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengiktirafkan ijazah-ijazah dan diploma-diploma dari negara-negara timur seperti Jepun, Korea dan Taiwan selaras dengan dasar "Pandang Timur" yang sedang digalakkan oleh Kerajaan dan apakah kriteria-kriteria yang akan digunakan untuk tujuan pengiktirafan ini.

Dr Tan Tiong Hong: Kerajaan bercadang untuk mengiktiraf beberapa ijazah dan diploma dari negeri-negeri Timur selaras dengan dasar Kerajaan "Pandang Timur". Buat masa ini Kerajaan memberi pertimbangan terhadap pengiktirafan beberapa ijazah dan diploma di beberapa institusi dari negeri Jepun dan Korea. Kriteria yang digunakan untuk tujuan pengiktirafan ini ada di antaranya ialah berdasarkan beberapa faktor seperti sama ada ijazah tersebut sesuai atau tidak dengan keperluan perkhidmatan awam dari segi skopnya, bidang pengkhususannya dan lain-lain lagi. Sebelum sesuatu ijazah itu diberi pengiktirafan, satu jawatankuasa teknikal yang terdiri dari ahli-ahli yang pakar di dalam jurusan tersebut menilai ijazah itu dari semua aspek termasuk bidang pelajarannya, masa kursus dan lain-lain. Berdasarkan kepada laporan ini pengiktirafan dibuat.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli dewan Rakyat Malaysia dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil, daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli

kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Keenam". (14hb Oktober, 1982).

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang menyambung ucapannya, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap hendaklah menghadkan ucapan mereka kepada 20 minit maksima supaya membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang belum berucap, berucap. Sekarang saya persilakan Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.04 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah membuat ucapan menjunjung tinggi dan sukacitanya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada bidang perundangan dan kehakiman di negara kita ini kerana penggunaan bahasa Malaysia ke peringkat mahkamah dan seterusnya dipergunakan di negara kita ini. Malang sekali saya berasa dukacita waktu Parlimen ini dibuka oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 1hb para-para Hakim kita sebagaimana yang dinyatakan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau para-para Hakim kita memakai wig. Ini adalah tradisi ataupun.....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya ingat dalam Peraturan Mesyuarat kita, kita tidak boleh menyentuh kedudukan Hakim-hakim dan Baginda Raja-raja dan sebagainya.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, saya berhenti setakat itu berkenaan dengan perkara yang dilarang.

Seperkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesejahteraan dan

keselesaan rakyat di negara kita, saya berharap pihak Kerajaan Pusat mengkaji semula peraturan yang memberhentikan pencen balu yang berkahwin semula. Dalam keadaan negara kita yang telah merdeka ini, saya rasa peraturan atau undang-undang tersebut memang wajar dikaji semula. Kita dapati bahawa perkahwinan semula baru berkenaan, bukanlah merupakan suatu jaminan kerana perceraian boleh berlaku sama ada kerana ketiadaan persesuaian ataupun kematian suami yang baru. Perkahwinan semula para balu itu pula adalah merupakan satu tuntutan naluri atau semula jadi, maklumlah orang yang sudah berkahwin dahulu dia pun teringat balik nalurnya itu. Jadi yang patut diizinkan oleh negara terutama bagi mengelakkan perlepasan tuntutan naluri itu dengan cara yang di luar moral. Selain dari itu pula, kita tidaklah wajar meneruskan peraturan yang seolah-olah menafikan segala jasa-jasa suami balu berkenaan akibat dia berkahwin semula tadi. Walaupun dia berkahwin semula, eloklah kita mengizinkan dia menikmati pencen berterusan sebagai mengekalkan penghargaan terhadap jasa-jasa suaminya yang dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berucap sedikit lagi iaitu saya ingin menyuarakan di Dewan yang mulia ini suatu perkara yang telah disuarakan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Perak untuk mendapatkan balik tanah sempadan negeri Perak di daerah Krian yang kini termasuk kepada sempadan Pulau Pinang. Saya percaya, sebagai Raja atau Ketua sebuah negeri yang percaya kepada kehormatan negeri-negeri, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak mempunyai alasan dan hujah yang kuat di dalam tuntutan Baginda itu. Oleh yang demikian saya berharap Kerajaan Pusat dapat merundingkan perkara ini dengan pihak pentadbir Negeri Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menambahkan sedikit lagi mengenai

pelaksanaan undang-undang pentadbiran agama Islam di dalam negara kita.

Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita meneliti undang-undang pentadbiran agama Islam yang ada sekarang kita akan dapati bahawa undang-undang tersebut adalah tidak selaras. Di setengah-setengah tempat pula peruntukan-peruntukan undang-undang itu baik dari segi perkara-perkara yang menjadi kesalahan dan juga bentuk-bentuk hukumannya adalah tidak mengikuti kehendak peraliran masa. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak wajar kiranya seorang yang telah didapati salah kerana kesalahan-kesalahan agama hanya didenda sebanyak \$25 sahaja. Sedangkan di negeri-negeri lain telah menaikkan denda kepada \$1,000 dan hukuman penjara tidak kurang dari setahun.

Berhubung dengan perkara pentadbiran undang-undang Islam ini, saya sedar bahawa perkara ini adalah di bawah kuasa negeri. Tetapi memandangkan bahawa agama Islam itu berpunca dari satu sumber yang sama iaitu dari Al-Quran dan Hadis, maka tidak ada sebab penyelarasan tidak dapat dibuat di dalam Malaysia ini. Dalam hal penyelarasan ini, adalah wajar sekiranya pihak Kerajaan Pusat berunding secara baik dengan Kerajaan-kerajaan Negeri terlebih dahulu bagi mendapatkan persetujuan bersama, demi untuk memperkemas dan mempertingkatkan lagi mutu agama kita yang suci ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan tegahan undang-undang agama Islam juga, saya ingin menyebutkan bahawa pada masa ini masih terdapat kedai-kedai yang dimiliki oleh orang-orang yang beragama Islam yang menjual bahan-bahan minuman yang memabukkan. Malahan baru-baru ini pula terdapat minuman demikian dijual di dalam bungkusan plastik

hingga menyebabkan begitu mudah bagi kanak-kanak sekolah membelinya. Oleh yang demikian, saya berharap supaya dapat pihak Kerajaan benar-benar mengadakan kawalan penjualan minuman keras tersebut terutama melarang penjualan oleh kedai-kedai yang dimiliki oleh penganut-penganut agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan syukur, syabas dan tahniah kepada anggota pasukan keselamatan negara kita yang telah memberikan jasa dan khidmat mereka bagi mempertahankan kedaulatan negara kita dari segala ancaman musuh-musuh negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Wakil dari Jelutong.

4.10 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ucapan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda di dalam Dewan yang mulia ini.

Ketika membuat Titah Ucapan di dalam Dewan ini, Seri Paduka Baginda bertitah seperti berikut:

“Beta berasa sukacita Kerajaan Beta yang dipimpin oleh Dato’ Seri Dr Mahathir telah membawa cara dan pendekatan baru untuk menghasilkan satu sistem pentadbiran yang lebih cekap dan berkesan. Kerajaan Beta telah memilih cara pimpinan melalui tauladan”.

Tuan Speaker, tidak perlu bimbang lagi bahawa adakah kepimpinan Dato’ Seri Dr Mahathir telah membawa perubahan radikal yang berlainan daripada Kerajaan-kerajaan dahulu

yang bergerak lambat. Pimpinan 2M telahpun berjaya membuat perubahan dalam sistem Kerajaan (walaupun sedikit) untuk mendapat kepercayaan rakyat.

Tuan Speaker, bagaimanapun boleh dikatakan untuk adakan satu Kerajaan "bersih, cekap dan amanah" perlulah ada satu Jumaah Menteri yang jujur. Suatu Jumaah Menteri adalah asas Kerajaan. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memerintah mengikut nasihat Kabinet seperti termaktub di dalam Perkara 40 Perlembagaan Malaysia dengan sebab Baginda ialah Raja Berperlembagaan (Constitutional Monarch). Dengan sebab itu, Tuan Speaker, mustahaklah Ahli-ahli Kabinet bersih dan jujur seperti isteri Caesar. Kabinet bertindak atas dasar tanggungjawab serentak. Wajiblah tiap-tiap seorang Menteri itu bersih, cekap dan amanah dan menjadi satu tauladan kepada rakyat biasa.

Tuan Speaker, satu kajian pendapat orang ramai iaitu melaporkan bahawa Pentadbiran Mahathir telahpun membawa perubahan dan kemajuan kepada negara kita. Hasil kajian tersebut menyatakan bahawa orang ramai menganggap Dato' Seri Dr Mahathir sebagai pemimpin agresif dan berkelibar. Sebagai Ketua Eksekutif Negara (Chief Executive of the State) perlulah Perdana Menteri kita dibantu oleh suatu kabinet berkelibar dan amanah.

Saya rasa kesal menyatakan bahawa Yang Berhormat Dato' Samy Vellu, Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, tidak layak duduk dalam Kabinet.

Tuan Speaker, dalam hal mencadangkan satu usul pada hari Selasa lalu hendak disegerakan dalam hal kepentingan orang ramai, saya juga memberitahu Dewan ini bahawa Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menipu seorang yang telahpun meninggal dunia.

Dengan tujuan timbang rasa dan untuk kebaikan Yang Berhormat Menteri itu, saya ingin memberitahu di sini sebab-sebab membentangkan usul itu pada hari tersebut.

Sebelum berbuat demikian, saya juga ingin memberitahu Dewan ini saya juga ada faedah kewangan dalam hal ini. Syarikat guaman saya bertindak bagi pihak Encik Periasamy a/l Sangily. Beliau ada menuduh dalam Laporan Polis Sentul No. 7939/82, bertarikh 8hb September, 1982 bahawa ayahanda beliau (Sangily *alias* Karruppiyah) yang meninggal dunia pada 17hb Februari, 1982 telah ditipu dalam hal-hal Lot 6130CT/18052, Mukim Batu, Daerah Kuala Lumpur, dalam sekeping tanah di mana Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam bercadang membuat satu kolam renang.

Tuan Speaker, saya hendak menerangkan hal-hal faedah kewangan dalam perkara ini dengan sebab tidak mahu dikenakan kesusahan seperti Encik J. B. Jayaratnam, Parti Buruh (Workers Party) yang telah tidak memberitahu Parlimen Singapura faedah kewangan dalam satu hal yang beliau menyentuh di dalam perbahasan di dalam Parlimen Singapura.

Tuan Speaker, di samping itu juga saya ingin memberitahu Dewan ini perkara itu bukanlah *sub judice*. Mahkamah Rendah Kuala Lumpur—Miscellaneous Criminal Application No. 11/1982 dalam mana Menteri itu adalah respondent dan Encik Periasamy a/l Sangily adalah satu applicant tidak menyentuh isu hak milik tanah tersebut. Permohonan itu ialah permohonan di bawah Seksyen 99 Kanun Acara Jenayah yang mana Tuan Speaker sendiri tahu ada berkaitan dengan hal mengekalkan *status quo* dalam hal pemegangan tanah itu untuk mengelakkan merosotnya ketenteraman sebelum soal ketuanan atas tanah itu diselesaikan oleh sesebuah mahkamah yang layak.

Tuan Speaker, dalam Mahkamah Tinggi (Tindakan Sivil) A 20/1982 dalam mana Encik Periasamy a/l Sangily menjadi pendakwa dan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menjadi orang kena dakwa ialah kes yang didakwa meminta keputusan dari mahkamah bahawa Menteri itu telah melanggar syarat dan sumpah memegang jawatan sebagai Menteri dan pengakuan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Perkara 43 perkara kecil (6) Perlembagaan Persekutuan.

Tindakan Sivil atas soal ketuanan sekeping tanah itu, Tuan Speaker, bahawa belum difailkan oleh kerana Surat Kuasa Mati.....

Tuan Mohd. Adib bin Haji Adam: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, on a point of order.

Tuan Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam: Masalah yang dibentangkan ialah masalah ahli dalam Peraturan Mesyuarat 36 (5) iaitu seseorang ahli tidak dibenarkan menyebutkan nama ahli lain. Apatah lagi Yang Berhormat dari Jelutong telahpun menyatakan ada kepentingan kewangan dalam hal ini. Jadi tidaklah manis Dewan ini digunakan untuk menyampaikan hasrat beliau yang tidak dapat disampaikan terlebih dahulu daripada ini.

Tuan Karpal Singh: Boleh saya sambung, Tuan Speaker?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya minta disambung.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, kelakuan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam dalam perkara Laporan Polis Sentul yang dibuat oleh Encik Periasamy a/l Sangily atas perkara menukar hak milik semua bahagian sekeping tanah yang terlibat iaitu Lot 6130 tiada jujur. Menteri

Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam tukar hakmilik atas semua bahagian tanah itu atas nama diri sendiri pada 22hb Februari, 1982, lima hari selepas Encik Sangily meninggal dunia, atas dasar satu perjanjian bertarikh 24hb Jun, 1981 seolah-olah membeli bahagian tanah hanya seluas 6,602.15 kaki persegi daripada sekeping tanah itu dengan harga \$72,623.65 dan perjanjian itu ada ditandatangani oleh Menteri itu sebagai pembeli dan Sangily sebagai penjual sungguhpun ada satu perjanjian bertarikh 14hb Januari, 1981 untuk jual dan membeli satu lot seluas 2,500 kaki persegi dibuat di antara Menteri itu dengan Sangily yang masih lagi hidup.

Tuan Speaker, Borang 14A (mengikut syarat-syarat Kanun Tanah Negara berkait dengan pendaftaran Menteri itu sebagai pemilik berdaftar. Semua bahagian sekeping tanah tersebut) membuktikan satu kes terang mengenai perkara tipu helah dibuat oleh Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, dengan sebab semua bahagian sekeping tanah tidak boleh dipindah milik atas nama Menteri itu atas dasar perjanjian seolah-olah yang dibuat pada 24hb Jun, 1981 yang menjual sekeping tanah seluas 6,062.15 kaki persegi.

Tuan Speaker, kelakuan Menteri itu juga menunjukkan bahawa beliau cuba mengelakkan membayar cukai stamp mengikut Seksyen 61 Ordinan Setem 1949 dengan tiada memberitahu Pejabat Tanah mengenai perjanjian bertarikh 14hb Januari 1981 mengenai sekeping tanah seluas 2,500 kaki persegi yang mana dijual dengan harga \$27,000.

Tuan Speaker, Menteri itu mengikut pendapat saya telah membuat satu kesalahan yang juga diberatkan berpatuh kepada tanggungjawab beliau dalam Kabinet itu. Mustahaklah seorang Menteri itu berkecuali dari

syak wasangka khasnya dalam hal Menteri itu yang memegang portfolio penting.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: On a point order.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, on a point of order.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya suka merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 35 (7), saya bacakan di sini:

“Seseorang ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya (selain daripada perkara-perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan), jika tidak diterangkan sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu.”

Tuan Yang di-Pertua: Saya dengar dia sudah terangkan tadi bahawa dia ada financial interest dalam perkara ini sebagai peguam, setakat itu dia telah menerangkan kepada kita.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, apa yang saya cakap tadi, Menteri ini ada satu portfolio penting iaitu sebagai Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang menyelia projek-projek yang terutama berharga berjuta-juta ringgit seperti Lebuhraya Timur-Barat dan Jambatan Pulau Pinang. Dengan adanya Menteri itu dalam Kabinet cogankata, ‘Kerajaan bersih, cekap dan amanah’ akan merosot.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat pendekkan ucapan kerana saya telahpun meminta tiap-tiap seorang yang berucap bercakap 20 minit.

Tuan Karpal Singh: Terima Kasih. Saya syaki Menteri itu, Tuan Yang di-Pertua, menipu dalam hal pembelian

dan pendaftaran sebagai pemilik dalam hal tanah yang tersebut. Malulah Menteri itu telah merosakkan nama beliau sebagai Ahli Jumaah Menteri yang menasihatkan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Beginda Yang di-Pertuan Agong. Seri Paduka Baginda perlulah penasihat-penasihat yang jujur. Tuan Speaker, undang-undang negara itu tidak mengasingkan sesiapa ataupun mengecualikan kesilapan Menteri.....

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: On a point of order!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: On a point of order (di bawah Peraturan 36 (4))—

“Adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadab”.

Jadi perkataan ‘tipu’ itu adalah bahasa biadab dan juga tidak boleh digunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ruling saya ialah perkataan ‘tipu’ tidak dianggap biadap.

Tuan Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Speaker. Menteri itu hendaklah dikenakan semua syarat-syarat dalam undang-undang atas kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh beliau. Tidak berguna menasihatkan orang kebanyakan ketika masa membuat ucapan-ucapan apabila merasmikan kuil-kuil di seluruh negara dan juga menasihatkan mereka hidup secara sopan santun mengikut ugama dan undang-undang jikalau penasihat itu juga tidak sendirinya berbuat demikian.

Tuan Speaker, saya rasa Yang Berhormat Peguam Negara telah mulai menyiasat dalam perkara ini mengenai laporan yang dibuat atas Menteri itu. Saya harap laporan itu disiasat dengan penuh.

Tuan Speaker, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan Di Raja bertitah:

“Dengan kemajuan yang telah kita capai di peringkat asas tadi, kita sekarang akan menekankan dengan lebih hebat lagi usaha kita untuk mengimbangi pembangunan jasmaniah dengan pembangunan rohaniah. Kita menyedari bahawasanya pembangunan mengisi periuk nasi rakyat, tanpa mengisi fikiran dan jiwa mereka bukanlah satu pembangunan yang lengkap.”

Titah Ucapan Seri Paduka Baginda, Tuan Speaker, itu adalah penuh dengan budi bicara dan ertinya besar. Semua warganegara mesti percaya kepada Tuhan menerusi agama mereka. Sungguhpun begitu saya rasa takut, apabila saya dengar kenyataan Menteri Pertanian di Johor Bahru baru-baru ini dalam mana beliau berkata Kerajaan akan hanya membenarkan import daging halal sahaja mulai daripada Januari tahun hadapan. Menteri itu, telah menerangkan bahawa beliau tidak dipaksa oleh sesiapa pun untuk menyatakan demikian. Tetapi beliau membuat keputusan atas sebab Islam itu menjadi agama rasmi. Tuan Speaker, daging halal ialah daging lembu, kambing dan ayam yang disembelih mengikut syarat-syarat Islam.

Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan, menyatakan:

“Islam ialah agama rasmi bagi Persekutuan Malaysia tetapi agama-agama lain boleh dianuti dengan cara aman dan damai di mana-mana dalam Persekutuan Malaysia.”

Tuan Speaker, Perkara 11 (1) Perlembagaan itu menyatakan bahawa tiap-tiap orang berhak menganuti agama masing-masing berpatuh kepada undang-undang negeri dan bagi Wilayah Persekutuan mengikut undang-undang Persekutuan yang menyekatkan sebaran mana-mana satu

prinsip-prinsip agama-agama ataupun kepercayaan dalam kalangan mereka yang menganuti agama Islam.

Tuan Speaker, tidak boleh dinafikan Islam itu ialah agama rasmi bagi negara kita, tetapi kita juga tidak boleh lupa Perlembagaan itu juga menjamin hak dan kebebasan mereka yang menganuti agama-agama lain. Konsep halal itu ialah konsep Islam tetapi salah jikalau syarat-syarat Islam dikenakan kepada pengikut-pengikut agama-agama lain. Sekatan yang hanya akan membenarkan import daging halal ialah sejenis siksaan yang boleh dielakkan. Saya tiada faham sebab-sebab langkah seperti itu perlu. Dengan kedudukan Islam daging halal dan bukan halal hendak terus dibenarkan import supaya orang Muslim dan bukan Muslim boleh memuaskannya.

Tuan Speaker, Kerajaan mestilah mengikut dasar liberal dalam perkara ini. Penuh kebebasan hendak diberi kepada konsep hak dan kebebasan agama bagi semua rakyat dalam negara kita. Saya harap Kerajaan akan menimbangkan semua rancangan untuk membenarkan import daging halal sahaja dari tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.28 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed (Pasir Putih): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saya tertarik kepada beberapa perkara yang diucapkan oleh Wakil dari Jelutong yang menghendakkan supaya tidak diimportkan daging-daging halal sahaja tetapi diimport juga daging-daging yang boleh dimakan oleh orang-orang yang beragama lain. Saya rasa daging halal ini pun boleh dimakan oleh sesiapa asalkan orang-orang Islam ada syarat tertentu bahawa daging halalnya ada sembelihan cara-cara tertentu. Jadi,

kalau sekiranya orang-orang lainpun boleh makan, saya rasa tidak timbul masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menarik perhatian kepada perubahan dasar Kerajaan di dalam menghantarkan anak-anak kita ke Amerika dengan kenaikan bayaran pelajaran yang berlaku di Britain. Penghantaran anak-anak ke luar negeri oleh badan-badan Kerajaan ini akan merunsingkan ibu-bapa, terutamanya sekarang ini berlaku begitu ramai dihantar ke Amerika. Ibu-bapa yang ada anak akan merasai kebimbangan terhadap pendedahan anak-anak mereka itu kepada keadaan yang ada di Amerika pada masa sekarang ini yang keadaannya begitu luas dan terbuka dan merupakan satu pengalaman baru kepada anak mereka yang mentah itu. Oleh itu, saya mencadangkan satu badan penyelaras yang bertanggungjawab terhadap pemilihan, penurusan pemergian, keselamatan dan kebajikan pelajar-pelajar kita di luar negeri anjuran Kerajaan hendaklah dibentuk supaya badan-badan ini akan menyerupai dengan Malaysian Students Departments (MSD), tetapi mempunyai tanggungjawab menyeluruh dan lebih luas lagi kerana MSD sekarang di bawah Kementerian Pelajaran yang hanya semata-mata menjaga dan menitikberatkan ke atas pelajar-pelajar yang di bawah anjuran atau jajaan Kementerian sahaja.

Badan penyelaras ini akan cuba menyatukan semua pelajar-pelajar yang dianjurkan oleh badan-badan berkanun yang lain seperti LLN, MARA, JPA, FELDA dan lain-lain jabatan. Jika perlu, dimasukkan Kementerian Pelajaran agar dapat menentukan bilangan pengawasan seseorang pegawai di satu-satu tempat itu supaya di dalam satu-satu tempat itu tidaklah seorang pegawai hanya menjagakan satu badan sahaja. Misalnya, pegawai daripada MARA hanya menjaga pelajar daripada MARA,

pegawai daripada LLN menjaga pelajar daripada LLN tetapi sepatutnya seorang pegawai yang kita hantar itu hendaklah menjaga seluruh pelajar-pelajar Malaysia yang ada di satu-satu tempat itu kerana Amerika ini ialah merupakan satu kawasan yang luas, yang satu-satu tempat itu tidak dapat dihubungi dalam masa sehari ataupun dua hari.

Badan ini juga bertanggungjawab menerima pelajar-pelajar yang dicadangkan oleh tiap-tiap jabatan dengan menentukan jurusan dan lapangan pengajian yang akan diambil oleh pelajar tersebut. Menentukan jurusan dan lapangan pengajian ini adalah penting kerana tidaklah dihantar ke universiti yang tidakpun ada ditawarkan pengajian yang ditetapkan itu. Ini terpaksa pelajar-pelajar itu pindah ke universiti-universiti lain dan untuk menunggu kelulusan ini memakan masa empat, lima bulan, mungkin setahun dan dalam keadaan pertukaran itu maka biasiswa pelajar itu juga akan terhenti dan tidak dapat disalurkan dengan saluran yang tertentu. Ini kita sedia maklum bahawa pelajar ini di negara orang, bukan di Malaysia; kalau di Malaysia mungkin dapat balik ke kampung dan dapat minta wang daripada ibubapa. Atau kadang-kadang ada untuk tukar kursus, kadang-kadang pelajar itu dikhaskan kepada kursus yang lain ditetapkan tetapi malangnya universiti itu tidak ada kursus yang ditetapkan kepada pelajar itu. Badan ini juga akan menentukan universiti yang baik, bermutu dan taraf akademik yang baik kerana di Amerika banyak universiti swasta, sebagaimana sekolah-sekolah private di sini iaitu yang menguruskan perniagaan dan yang mementingkan keuntungan. Semakin ramai pelajar maka semakin untung universiti itu. Kebiasaan kita hanya mencari universiti yang bayaran pelajarannya dan perbelanjaan yang murah tanpa mengirakan universiti apa sekalipun.

Juga terdapat pelajar persendirian yang mampu dengan kewangan yang banyak boleh mendapat pelajaran yang bermutu. Ini berbeza di antara pelajar yang dihantar oleh Kerajaan dengan pelajar yang mempunyai kewangan sendiri mendapat tempat pelajaran yang lebih baik.

Ada satu ketika anak-anak daripada Malaysia ini dihantar ke universiti yang paling jauh dan terpencil sehinggakan rakyat Amerika sendiri tidak mahu belajar di universiti itu. Mungkin kerana tempatnya jauh, terpencil maka orang Amerika tidak mahu, maka bayaran di tempat itu murah. Badan yang saya cadangkan tadi akan bertanggungjawab menghantar pegawai-pegawai dan orang yang benar-benar tahu tentang kurikulum dan taraf pelajaran di tiap-tiap universiti bila menggunakan buku-buku panduan yang betul dan kajian yang mendalam dibuat kerana tiap-tiap universiti itu ada pengkhususan dalam lapangan jurusan yang baik dan yang tidak baik. Misalnya sebuah universiti yang baik dalam mechanical engineering tetapi tidak semestinya dia baik dalam bahagian architecture atau bahagian business studies atau lain-lain bahagian. Begitu jugalah universiti-universiti tersebut yang mengikut keputusan dan kebolehan tiap-tiap universiti itu.

Selain daripada itu, pandangan pelajar-pelajar lama kita yang ada di universiti-universiti di Amerika juga diambil kira bagi menentukan segala yang harus kita mengambil tindakan tentang akademik kerana kadangkadangkang mereka lebih tahu kerana mereka ini telah mengalami keadaan yang lama di Amerika. Janganlah setengah-setengah kita ini pergi untuk makan angin, jumpa orang-orang atasan sahaja dan hanya berkira ada tempat kosong atau tidak dan berapa bayaran sekolahnya sahaja, dan lepas itu kita pun baliklah ke Malaysia ambil penuntut dan hantar. Ini akan

merugikan negara kita dengan mutu akademik yang kurang dan juga akan menyusahkan pelajar itu .

Tuan Yang di-Pertua, kelayakan masuk ke universiti Amerika juga patut dikaji dan ditentukan benar-benar kerana tidak semua universiti di Amerika menerima kelayakan MCE atau SPM, ada di antaranya perlu kelulusan HSC atau STP. Ini perlu dikaji supaya anak-anak itu pergi ke Amerika terus masuk ke universiti, bukan masuk ke sekolah-sekolah.

Begitu juga matapelajaran bahasa Inggeris yang memerlukan pelajar kita lulus 'TOEFL Exam'. Saya mencadangkan pelajar kita yang akan dihantar ke Amerika itu mengambil peperiksaan bahasa Inggeris atau 'TOEFL Exam' ini di negara kita dan mengadakan orientasi tentang keadaan di Amerika ini sebelum mereka itu bertolak ke Amerika. Bukan mereka ini pergi hanya membuang masa setahun tanpa memasuki apa-apa jurusan, hanya untuk belajar bahasa Inggeris dan kita tahu pelajar yang kita beri itu adalah pelajar yang baik, yang dipilih, ditapis, merupakan cream kepada pelajar-pelajar yang ada dalam negara kita. Jadi, tidak perlu mereka membuang masa setahun di negara orang kerana hanya untuk belajar bahasa Inggeris kerana taraf bahasa Inggeris di sini juga tinggi dan boleh disamakan taraf bahasa Inggeris negeri lain.

Selain daripada itu, murid ini yang masih mentah, yang muda ini dapat disesuaikan dengan keadaan luar sekolah yang lebih baik, tidaklah lepas sekolah pergi ke Amerika. Jadi, kalau duduk di negeri kita, diorientasikan dalam masa setahun, beri dia belajar bahasa Inggeris, adakan 'TOEFL Exam' yang saya katakan tadi, supaya mereka ini dapat pergi ke sana dengan senang dan terus masuk universiti, tidaklah tinggal dengan keadaan yang ada sekarang.

Pengurusan pemergian perlu juga diawasi kerana saya telah dengar sungutan daripada seorang ayah untuk menghantar anak ke Amerika terpaksa lima atau enam kali datang ke Kuala Lumpur. Sekali datang kerana pasport, sekali datang hendak beri tiket, sekali datang orientasi. Jadi, keadaan ini adalah menyesuaikan ibu-bapa. Kalau ibu-bapa di Kuala Lumpur tidak menjadi masalah, tetapi kalau ibu-bapa di hujung-hujung negeri adalah menjadi masalah. Sudahlah begitu kadang-kadang jadual penerbangan untuk ke luar negeri itupun tidak diawasi dengan betul, kadang-kadang si hamba Allah ini atau ayahnya datang ke airport dan dia diberitahu Kapal terbang ini tidak ada pakcik. Jadi, masa yang ditetapkan itu tidak ada penerbangan pada hari itu. Hamba Allah ini berpusing-pusing pergi ke sana, pergi ke sini, akhirnya adalah pegawai yang datang kemudian dan memberitahu. Akhirnya, terpaksa tunggu tiga, empat hari di Kuala Lumpur kerana untuk menghantar anak ke Amerika. Ini juga merupakan satu pengurusan yang patut diperbaiki dan tidak menyesuaikan rakyat dan juga orang-orang kampung dan juga anak itu sendiri.

Sampai di Amerika, di Los Angeles—ini saya minta maaf saya kena sebut iaitu pelajar daripada JPA.

Semasa di sini jabatan ini mengatakan bahawa anak pakcik itu sampai ke Amerika akan ada orang menunggunya, jadi pakcik ini confiden bahawa anaknya sampai di Amerika ada orang yang menunggunya tetapi malangnya sampai di Los Angeles, bayang pun tak nampak orang yang menunggunya. Dan daripada dua buah universiti yang saya dapat ketahui bahawa anak-anak kita itu 10 jam duduk di airport tak tahu hendak pergi ke mana dan kebetulan pada hari itu ialah hari Sabtu menyebabkan anak-anak ini dua malam tidur di dalam setor universiti kerana menunggu, kerana pada hari itu ialah

hari mingguan. Dan masalah makan dengan tidak tentu sama banyak, kerana tempat yang baru, makan pula kadang-kadang hendak makan halal dan ini berlaku kepada pelajar kita di San Diego State University dan juga kepada Long Beach University di Los Angeles.

Ini sebagai satu contoh, mungkin banyak lagi berlaku di tempat-tempat lain, kerana ini adalah tempat yang baru kepada pelajar-pelajar kita dan baru kepada students kita. Malangnya apabila sampai di universiti itu juga kursus yang hendak diambil tidak ada ditawarkan di universiti itu maka anak-anak itu boleh ponteng selama tiga empat hari. Apabila kita berjumpa, katanya untuk menunggu ujian bahasa Inggeris yang belum tentu bahawa mereka itu boleh masuk universiti ataupun tidak. Jadi kalau kita telah menghantar seorang pelajar untuk mengambil ujian kelayakan masuk universiti atau tidak, jika takdirnya budak itu tidak berjaya, dihantar balik. Ini adalah merupakan satu tamparan yang hebat kepada anak itu dan juga kepada keluarga orang yang menghantar anak itu. Ini sebagai satu contoh bagaimana perasaan dan juga apa yang terjadi kepada anak-anak kita. Dan juga selama 4 bulan anak-anak kita di Amerika tidak seorangpun pegawai daripada Malaysia datang berjumpa mereka, bertanya apa masalah, di mana tinggal, apa makan, apa pengajian. Tidak ada selama 4 bulan, dan mungkin selepas itu beberapa bulan lagi kemudian.

Apa yang saya sebut di sini adalah kecil dan remeh-temeh. Ini satu kes yang terjadi kepada anak kita. Orang-orang yang ada anak yang dihantar ke Amerika akan tahu masalah ini. Kesannya besar kepada anak-anak kita. Kesusahan dan pahit maung yang dirasakan oleh pelajar-pelajar itu akan menimbulkan kemarahan mereka kepada Kerajaan. Benih-benih dan

bibit kemarahan ini menimbulkan kebencian kepada Kerajaan mulai timbul, bukan kepada badan-badan penganjur atau pegawai-pegawai pelaksanaan tetapi Kerajaan. Ditambah pula dengan suasana luar negeri yang begitu baru bagi mereka dan juga menerima unsur-unsur pandangan negatif negara luar terhadap negara kecil seperti negara kita ini akan disogokkan jiwa anak-anak itu dengan perkara-perkara yang boleh membawa kesan yang kurang baik dari segi pembangunan masyarakat, dari segi politik dan sebagainya.

Kebencian anak-anak kita kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang menguruskan mereka telah menyebabkan mereka benci kepada Kerajaan, sekali membenci hasil daripada perbuatan manusia ini akan melupakan pelajar-pelajar itu kepada kebaikan yang dilakukan oleh Kerajaan dan jasa yang membolehkan mereka itu belajar ke luar negeri. Jadi kebencian akan melahirkan sifat negatif terhadap sebarang usaha Kerajaan. Oleh itu tidaklah harian yang selama ini ramai pelajar-pelajar kita dihantar ke luar negeri hasil daripada kebaikan dasar pelajaran negara kita akan sebaliknya mencaci dasar tersebut.

Kebajikan pelajar-pelajar kita di luar negeri patut diutamakan, kerana mereka itu adalah merupakan sebahagian daripada pemimpin negara kita pada masa akan datang. Masalah-masalah yang perlu hendaklah diatasi, misalnya masalah pengurusan, masalah mula tiba, masalah pilihan jurusan dari universiti, masalah mempercepatkan biasiswa-biasiswa, kemudahan tempat tinggal serta layanan baik daripada pegawai badan-badan yang menganjurkan anak-anak itu belajar di luar negeri, kerana ini akan mewujudkan sifat kasih sayang, sifat perasaan mesra dan akan mencetuskan ucapan terima kasih kepada Kerajaan bahawa beginilah

nikmat yang mereka itu mendapat kemudahan dan dapat belajar ke universiti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong ucapan ini juga, saya tertarik kepada ucapan wakil dari Rantau Panjang tetapi sayangnya wakil Rantau Panjang ini di dalam 'honeymoon' kerana baru berkahwin iaitu berkahwin dengan PAS. Sebab itulah dia memuji-muji parti PAS dan juga mencaci UMNO kerana baru menceraikan UMNO kerana wakil itu lebih lama dalam UMNO daripada dalam PAS sebab itulah dia mencaci UMNO.

Merujuk kepada subsidi yang dikatakan bahawa rakyat PAS di Kelantan tidak menerima subsidi baja, sebenarnya subsidi baja ini haram. Sebabnya haram, kerana banyak subsidi diberi kepada rakyat maka lebih banyak rakyat sokong Kerajaan, sebab itu dikeluarkan satu fatwa bahawa subsidi Kerajaan, sebarang bantuan—haram; masuk poket—halal.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga bantuan kemarau apabila kita mendaftar bantuan kemarau, maka semasa pendaftaran itu dijalankan dikatakan—ah! daftar sahaja; boleh, duit tak dapat. Kebetulan daftar itu sebelum pilihanraya jadi berpusing-pusinglah orang UMNO yang percaya kepada UMNO ini berdaftar tetapi malangnya orang PAS ini tidak mendaftar, tidak percaya "Daftar sahaja boleh," katanya. Jadi akhirnya apabila pembahagian wang, mereka tidak dapat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa ada 3 minit lagi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Saya menumpu kepada ucapan yang diberi oleh wakil dari Kota Melaka. Katanya ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di perhimpunan Agong MCA baru-baru ini memang pedas. Sebab,

ucapan ini pada pendapat saya memang pedas dan memang terdapat segolongan kecil dalam negara ini yang hidupnya pura-pura taat setianya dan suka menikam dari belakang seperti orang-orang dalam DAP. Jadi sebenarnya perkara ini siapa makan lada, dia akan merasa pedas, oleh kerana MCA dalam perhimpunan ini tidak membantah dan mengutuk kerana orang-orang MCA tidak makan lada. Jadi sebab itu orang MCA tahu akan realiti maka ia tidak terasa pedas tetapi DAP ini makan lada, sebab itulah ia merasa pedasnya. Janganlah DAP cuba mengajar MCA kerana MCA lebih tahu tentang sikap dan kebodohan DAP ini.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada orang-orang yang mencaci atau orang-orang yang tidak mengikut dasar DAP akan ditendang, orang-orang yang keluar daripada DAP merupakan pengkhianat tetapi bagi saya orang yang tinggal dalam DAP itu merupakan orang yang tidak mempunyai prinsip dan orang yang pengkhianat kepada bangsa dan negara ini. Sebenarnya orang-orang DAP itu tidak mempunyai prinsip dan tidak mempunyai perancangan, mereka ini tidak terpijak kepada alam nyata di dalam negara ini—tidak sesuai dengan realiti dan norma-norma yang ada di dalam negara ini.

Prinsip DAP adalah lahir dari nafsu tamak dan jiwa yang tidak puas hati dengan menurut nafsunya sahaja iaitu nafsu syaitan yang akan mencari kepuasan dengan tujuan hendak menjahanamkan orang lain. Mereka yang kekal dalam DAP juga merupakan pengkhianat yang menyuburkan niat jahat terhadap rakyat dan negara ini terutama pengkhianat kepada bangsa Cina dan India dengan menanamkan nilai-nilai dan norma-norma serta pemikiran yang negatif terhadap negara ini terutama kepada orang-orang Melayu. Mereka menanamkan dan menyuburkan sifat-sifat dengki yang

menebal ke jiwa orang-orang Cina dan India agar membenci orang-orang Melayu amnya Kerajaan ini. Pendek kata DAP telah bertanggungjawab menimbulkan berbagai fikiran dan pendapat songsang demi untuk mengekalkan politik dan periuik nasi mereka kerana itu adalah tujuan Pembangkang. Jadi mereka ini menganggap orang-orang Melayu tidak sedar tentang apa yang dikatakan itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Yang Berhormat dari Tanjong.

4.50 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul mengucapkan Terima Kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Dewan yang mulia ini. Sebagai seorang Wakil Rakyat yang baru, saya amat menghargai peluang ini buat kali pertamanya untuk mengemukakan pandangan saya tentang hal ehwal negara kita yang dicintai ini.

Seperti yang Baginda telah bertitah, kekuatan sesebuah negara tidak bergantung kepada kekayaan material semata-mata, mengisi fikiran dan jiwa rakyat juga amat penting. Dalam aspek ini pendidikan memainkan beberapa peranan yang penting sekali. Sebagai seorang bekas pensyarah, saya rasa adalah wajar bagi saya menumpukan perhatian saya kepada aspek-aspek pendidikan.

Sejak kemerdekaan 25 tahun dahulu, negara kita telah mencapai kemajuan yang pesat dalam lapangan pendidikan dari segi pertambahan peluang belajar dan kemudahan-kemudahan di semua peringkat. Ini merupakan perkembangan kuantitatif. Selepas ini, wajarlah kita tumpukan perhatian lebih kepada peningkatan

mutu pelajaran, ataupun perkembangan kualitatif.

Pengenalan Kurikulum Baru Sekolah Rendah atau apa yang dikenali sebagai KBSR ialah satu langkah penting ke arah ini kerana pendidikan rendah merupakan asas kepada pendidikan di peringkat lain yang lebih tinggi. Pada prinsipnya, semua pihak bersetuju bahawa dari segi falsafah dan kaedahnya, KBSR adalah satu kurikulum yang lebih diingini kalau dibandingkan dengan apa yang sedia ada. Akan tetapi disebabkan timbulnya beberapa masalah dan keraguan yang berhubung dengan bahasa pengantar dan isi kandungan bagi matapelajaran-matapelajaran yang tertentu, KBSR telah menjadi satu isu kontroversi yang hangat di kalangan masyarakat Cina pada awal tahun ini. Berlanjutan dari itu, terutamanya selepas pilihanraya umum, Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah positif untuk membetulkan keadaan. Langkah-langkah ini sedikit sebanyak telah mengurangkan perasaan risau di kalangan ibubapa. Di antara empat permintaan yang dikemukakan oleh masyarakat Cina, tiga sedang di dalam proses penyelesaian kecuali permintaan untuk menambahkan lagi masa yang diperuntukkan untuk pengajaran bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya bincangkan di sini ialah beberapa aspek KBSR yang telah saya perhatikan sendiri melalui kajian bahan-bahan kurikulum, perbincangan dengan pegawai-pegawai Kementerian, guru-guru serta ibu bapa dan lawatan kepada beberapa buah sekolah percubaan KBSR termasuk Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (S.R.J.K. (C)).

KBSR yang diperkenalkan sekarang sebenarnya merupakan satu kurikulum yang baru, yang memerlukan banyak perubahan bukan saja dari segi falsafah

dan pendekatan, tetapi juga bahan-bahan dan kaedah mengajar serta amalan mengawal bilik darjah dan pentadbiran sekolah. Oleh itu, pegawai-pegawai dalam bahagian yang berkenaan serta guru-guru yang terlibat pada amnya telah dan sedang bertungkus-lumus menjalankan tugas mereka masing-masing yang berat itu dalam masa yang begitu suntuk dan suasana yang agak mendesak. Usaha dan sumbangan mereka ini haruslah dijunjung tinggi dan dirakamkan.

Lawatan saya ke sekolah-sekolah percubaan telah memberi gambaran kepada saya bahawa pada amnya murid-murid dari semua jenis sekolah nampaknya suka mengambil bahagian dalam proses pembelajaran secara lebih aktif kalau dibandingkan dengan kelas biasa. Kaedah baru juga membolehkan mereka mempelajari kemahiran membaca dan menulis dalam bahasa pengantar dengan lebih berkesan kalau dibandingkan dengan kaedah lama. Murid-murid yang lembab dapat mempelajari bahan-bahan yang tertentu megikut kadar mereka kerana guru dapat memberi lebih banyak perhatian kepada mereka secara berkumpulan. Murid-murid yang maju pula dapat meningkatkan prestasi mereka melalui rancangan pengkayaan juga secara berkumpulan. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa KBSR memang mempunyai potensi untuk memperbaiki pendidikan di peringkat sekolah rendah. Akan tetapi, seperti yang telah berlaku dalam semua projek rekabaru atau inovasi kurikulum di negara ini, projek KBSR juga mempunyai beberapa masalah. Kalau kita tidak awasi, masalah-masalah ini mungkin akan berlipatganda apabila KBSR dilaksanakan sepenuhnya. Ada kemungkinan potensi yang ditunjukkan dalam percubaan di 302 buah sekolah sekarang ini tidak akan dikesankan dengan sepenuhnya dalam 6,450 buah sekolah pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem KBSR, peranan guru telah banyak diubah dan menjadi bertambah berat. Guru-guru yang saya temudugai merasa sangat terbeban kerana dikehendaki menyediakan bahan-bahan baru dan mengajar secara berkumpulan dalam satu kelas yang berjumlah lebih daripada 40 orang murid, malahan nisbah yang diinginkan ialah 30 orang murid satu kelas dan 1.5 orang guru satu kelas.

Keadaan sesak ini memang menjejaskan semua jenis sekolah. Namun demikian S.R.J.K. (C) khasnya akan menghadapi kesulitan yang jauh lebih teruk kerana kebanyakan S.R.J.K. (C) sekarang pun sudah penuh sesak dengan adanya hampir-hampir 50 orang murid dalam tiap-tiap kelas. Di samping itu kebanyakan S.R.J.K. (C) mengadakan dua sidang tiap-tiap hari iaitu sidang pagi dan sidang petang. Ini memang kurang sesuai bagi pelaksanaan KBSR, kerana bilik darjah yang sama yang disiap-sediakan dengan bahan-bahan untuk darjah empat bagi sidang pagi misalnya tidak mungkin disediakan semula untuk kegunaan darjah dua bagi sidang petang pada tiap-tiap pagi.

Tuan Yang di-Pertua, jelaslah bahawa dalam tempoh pelaksanaan sepenuhnya pada tahun depan dan mungkin pada 3-4 tahun yang akan datang, kita akan menghadapi masalah kekurangan guru dan bilik darjah. Masalah-masalah ini tidak ketara dalam tempoh percubaan setakat ini kerana bantuan dan penyeliaan yang rapi telah diberi oleh pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran. Akan tetapi bantuan dan penyeliaan yang setanding sekarang ini tidak mungkin diadakan pada tahun depan kerana setahu saya, pegawai-pegawai terlibat sudahpun bekerja penuh masa dan ada juga yang 'overtime'. Apakah yang akan berlaku apabila bilangan sekolah yang terlibat akan bertambah lebih daripada 20 kali ganda mulai tahun depan? Oleh itu, demi pelaksanaan KBSR yang lebih

berkesan, kita sangat memerlukan lebih banyak lagi kakitangan Kementerian Pelajaran, lebih banyak lagi guru dan lebih banyak lagi bilik darjah serta sekolah. Maka peruntukan belanjawan bagi Kementerian Pelajaran bukan sahaja tidak boleh dikurangkan malahan mesti ditambah. Kalau tidak, hasil maksima yang diinginkan itu akan sukar tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sedemikian, eloklah Kementerian Pelajaran menimbankan strategi perlaksanaan yang lebih konservatif, misalnya, melaksanakan KBSR secara berperingkat-peringkat mulai dengan sekolah-sekolah yang sudah berkelengkapan dengan bilik darjah, kemudahan dan bilangan guru yang mencukupi. Sementara waktu, Kementerian Pelajaran boleh mengambil langkah-langkah yang konkrit untuk melengkapi sekolah-sekolah yang lain terutamanya di kawasan-kawasan terpencil serta melatih guru-guru dan kakitangan yang mencukupi. Kementerian boleh juga mengambil kesempatan ini untuk menilai dan memperbaiki isi kandungan dan bahan-bahan KBSR, seperti pepatah Melayu yang berbunyi "Biar lambat asalkan selamat". Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sekarang pun tidak dapat mengamalkan nasihat pepatah ini kerana kesuntukan masa, maka saya terpaksa bercakap dengan begitu cepat macam Ekspres Rakyat.

Kerajaan juga harus mengambil langkah-langkah untuk menyedarkan para ibubapa mengenai peranan mereka dalam KBSR serta melibatkan atau 'mobilize' agensi-agensi Kerajaan yang lain serta juga agensi-agensi bukan Kerajaan. Misalnya, di kawasan luar bandar projek KEMAS ataupun projek-projek lain di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar serta Kementerian Pertanian boleh membantu dalam

membina perpustakaan kecil ataupun mengadakan perpustakaan bergerak, khas untuk menyediakan bahan-bahan bacaan tambahan yang berkaitan dengan KBSR kanak-kanak kampung. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung juga boleh memainkan peranan yang positif.

Di kawasan bandar yang mengandungi keluarga-keluarga yang berpendapatan rendah pula, seperti di rumah-rumah pangsa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh memberi peruntukan untuk perpustakaan kecil di tiap-tiap kawasan bagi tujuan yang sama. Di sini, Persatuan Penduduk di rumah-rumah pangsa dan di kawasan setingan juga boleh digalakkan untuk memainkan peranannya. Lain perkataannya, perlaksanaan KBSR ini merupakan satu projek nasional yang besar. Oleh itu, ianya bukanlah bertanggungjawab Kementerian Pelajaran sahaja, tetapi Kementerian-kementerian lain serta badan-badan bukan Kerajaan haruslah juga dilibatkan.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya sekarang memberi komen mengenai kursus orientasi KBSR yang diberi kepada guru-guru yang terlibat. Sebahagian besar guru-guru di sekolah percubaan yang saya kunjungi berpendapat bahawa kursus yang sepanjang 10 hari itu agak tidak mencukupi mereka untuk meresapi falsafah baru dan selok-belok KBSR. Satu aspek lagi mengenai kursus orientasi juga harus diberi perhatian. Setakat sekarang, kursus orientasi dijalankan sepenuhnya dalam Bahasa Malaysia melainkan kaedah mengajar Bahasa Cina, Tamil dan Inggeris. Dari sudut pandangan pendidikan, adalah wajar kursus orientasi bagi guru-guru S.R.J.K. (C) dan S.R.J.K. (T) iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil), dijalankan dalam bahasa pengantar masing-masing. Dengan ini guru-guru sekolah aliran Cina dan

Tamil barulah dapat menyesuaikan diri dengan kaedah baru dengan sepenuh yang mungkin melalui bahasa pengantar masing-masing. Selain daripada itu, peraturan mengenai sukatan pelajaran serta peruntukan masa bagi matapelajaran dianggap agak ketat dan kekurangan "flexibility". Misalnya, sukatan pelajaran matematik yang terhad kepada kiraan sampai jumlah 50 sahaja haruslah dilonggarkan sekurang-kurangnya untuk kumpulan maju. Jumlah masa yang diperuntukkan untuk pendidikan moral bagi Darjah Satu di sekolah jenis kebangsaan dianggap terlalu banyak dan harus dikurangkan sedikit. Masa yang lebih itu dapat digunakan untuk Bahasa Malaysia misalnya ataupun untuk pengenalan bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, guru-guru Bahasa Malaysia di S.R.J.K. (C) dan S.R.J.K. (T) sekarang nampaknya mengalami masalah mengajar dengan berkesan mengikut kaedah KBSR kerana peruntukan masa tidak cukup bagi kaedah pengajaran berkumpulan. Oleh itu, ada dicadangkan bahawa Bahasa Malaysia dimulakan lebih awal lagi, iaitu dari penggal kedua Darjah Satu di S.R.J.K. (C) dan S.R.J.K. (T) dan bukan pada bulan Julai seperti yang dipraktikkan sekarang. Di samping itu, kebanyakan ibubapa berhasrat bahawa Bahasa Inggeris haruslah dikemukakan sebagai bahasa ketiga di S.R.J.K. (C) dan S.R.J.K. (T) dengan seawal mungkin. Oleh itu saya mencadangkan supaya guru besar bersama-sama dengan guru-guru yang terlibat diberi kuasa pilihan atau "flexibility" yang tertentu untuk memulakan pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris mengikut pencapaian dan latar belakang murid-murid di sekolah masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, ini membawa saya ke isu pengajaran bahasa ibunda di sekolah-sekolah rendah dan

menengah pada amnya. Seperti yang telah saya bincangkan tadi S.R.J.K. (C) menghadapi masalah kesesakan yang lebih serius. Oleh itu saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya memberi perhatian dan peruntukan yang mencukupi kepada S.R.J.K. (C) untuk membina lebih banyak lagi bilik darjah. Lebih penting lagi, S.R.J.K. (C) dan S.R.J.K. (T) yang baru harus dibina di kawasan-kawasan yang masih tidak ada sekolah-sekolah tersebut. Ini adalah selaras dengan satu prinsip asas dalam dasar pelajaran kita, iaitu Kerajaan harus menghormati hak dan hasrat ibubapa untuk memilih jenis sekolah yang diingini bagi anak-anak mereka.

Di sekolah menengah kebangsaan juga mengikut dasar pelajaran kita, sekiranya terdapat permintaan dari ibubapa 15 orang murid atau lebih untuk mempelajari bahasa ibunda (P.O.L.—Pupils Own Language), maka kelas P.O.L. harus diadakan. Laporan Kabinet tahun 1979 juga menetapkan 7% dari masa pengajaran biasa (iaitu 3 period) untuk ugama atau P.O.L. bagi peringkat menengah. 3 period sahaja tiap-tiap minggu sebenarnya tidak mencukupi, akan tetapi telah didapati bahawa banyak sekolah menengah kebangsaan tidak mengadakan kelas P.O.L. bagi 3 period ini sungguhpun syarat-syarat permintaan telah dipenuhi.

Ada pula banyak sekolah yang lain yang mengadakan kelas-kelas P.O.L. ini hanya pada waktu petang atau hari Sabtu, iaitu di luar masa persekolahan biasa. Di samping itu, di antara guru-guru yang mengajar kelas P.O.L. ini ada yang tidak berkelayakan. Mereka ini kebanyakan ialah guru-guru sekolah rendah yang hanya mengajar P.O.L. di sekolah menengah secara sambilan dan sementara. Tambahan pula, peruntukan untuk P.O.L. nampaknya sangat tidak mencukupi. Saya difahamkan bahawa terdapat kes-kes di mana guru P.O.L. sambilan

dihutang elaun mereka buat beberapa bulan. Saya berharap bahawa Kerajaan akan mengambil langkah untuk memperbaiki keadaan kelas P.O.L. yang kurang memuaskan ini, terutamanya dari segi pembekalan bilangan guru yang cukup dan layak.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh sedikit tentang pendidikan tinggi di negara kita. Memang pendidikan tinggi telah berkembang dengan pesat dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu. Akan tetapi, permintaan masyarakat terhadap pendidikan tinggi terus meningkat. Tiap-tiap tahun beribu-ribu orang pelajar yang layak tidak dapat diterima masuk di universiti-universiti tempatan. Beribu-ribu lagi bertolak ke negara-negara asing untuk melanjutkan pelajaran. Kerajaan sendiri pun menganjurkan beribu-ribu pelajar tiap-tiap tahun untuk mengikuti berbagai kursus di luar negeri.

Adalah jelas bahawa tempat di universiti-universiti tempatan yang sedia ada tidak cukup untuk menampung permintaan yang besar ini. Oleh itu, saya ingin menggesa Kerajaan untuk memperluaskan lagi institusi-institusi tempatan. Pada hemat saya, ini tidak semestinya membawa kepada perbelanjaan yang lebih sekiranya kita betul-betul mengkaji bagaimana dapat mengurangkan ataupun "minimize" perbelanjaan dan meningkatkan pengeluaran ataupun "maximise output" dari segi bilangan graduan dan mutu pelajaran.

Di samping itu, sudah sampai masanya kita mempertimbangkan peranan institusi pelajaran tinggi swasta di negara kita. Pada pendapat saya, universiti atau kolej swasta boleh membawa banyak faedah. Pertama, mereka dapat membantu Kerajaan dalam usaha menampung permintaan tempat pelajaran tinggi, dan dengan ini mengurangkan

perasaan tidak puas hati di kalangan pemuda-pemudi yang tertinggi di luar pintu universiti.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Dr Koh Tsu Koon: Memang betul yuran-yuran institusi swasta akan lebih tinggi, tetapi sudah tentu tidak akan melebihi yuran di institusi luar negeri. Ini akan menarik kebanyakan ibubapa yang sekarang menghantar anak-anak mereka ke luar negeri kerana mereka dapat menjimatkan wang dan juga dapat berjumpa dengan anak-anak mereka dengan lebih kerap lagi. Negara pada keseluruhannya akan juga dapat menjimatkan berpuluh-puluh juta ringgit tiap-tiap tahun dari segi penukaran wang asing. Tambahan pula Kerajaan sendiri pun boleh menjimatkan perbelanjaannya dengan menganjurkan pelajar-pelajar ke institusi-institusi swasta tempatan untuk bidang-bidang iktisas yang tertentu.

Lebih penting lagi, institusi tempatan tentu akan lebih berorientasi kepada keperluan negara kita sendiri kalau dibandingkan dengan institusi di negara asing. Selain daripada itu, pemuda-pemuda yang dilatih di institusi swasta tempatan akan terus dipupuk dengan nilai asas dan gaya hidup yang berasaskan kebudayaan kita. Maka kesan-kesan negatif, seperti "cultural shock" yang dialami ataupun sikap-sikap yang kurang sihat yang diperolehi oleh setengah-setengah pelajar yang pergi ke luar negeri, iaitu masalah-masalah yang dibentangkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi akan dikurangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr Koh Tsu Koon: Cuma satu perenggan lagi, just one paragraph. Oleh itu saya merayu kepada Kerajaan untuk menghasilkan sumber dan bakat

swasta yang terdapat dalam negara kita untuk memperluaskan peluang pendidikan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya ingin menyatakan bahawa pendidikan ialah asas pembangunan negara. Kalau kita memandang kepada negeri Jepun, kita akan dapati bahawa sebelum zaman Pembaharuan Maharaja Meiji, iaitu pada zaman Tokugawa, asas kukuh bagi pendidikan telah diletak di seluruh negeri Jepun di mana sekolah telah dibina di tiap-tiap kampung. Dalam sistem pendidikan Jepun, di samping memperkenalkan tradisi Timur yang sedia ada, mereka juga seboleh-bolehnya.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dr Koh Tsu Koon: Dua ayat lagi, dengan keizinan Tuan Yang di-Pertua.... meresap ilmu sains dan teknologi serta fahaman demokrasi, terutamanya selepas Perang dunia Kedua. Dalam usaha mereka memajukan pendidikan mereka, usaha swasta sangat digalakkan sungguhpun Kerajaan memainkan peranan yang penting. Dalam usaha kita memajukan pendidikan kita, kita haruslah mengamalkan sikap yang terbuka dan liberal supaya dapat menikmati kebaikan dari semua pihak, seperti yang berlaku di negeri Jepun.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Menglembu.

5.12 ptg.

Tuan Yew Foo Weng (Menglembu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul Terima Kasih atas Titah Diraja oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa berangkat mencemarkan Duli ke Dewan yang mulia ini untuk merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyembahkan ucapan syabas kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong yang menekankan tentang perlunya sikap kesederhanaan dan tolak ansur di samping penekanan terhadap rasional dan penyertaan dalam Titah Seri Paduka Baginda. Kita tidak dapat lari dari kenyataan bahawa Malaysia ialah sebuah negara berbilang kaum yang mempunyai berbagai kebudayaan dan agama. Oleh itu amalan tolak ansur dan kerjasama antara semua kaum mestilah diperkukuhkan. Tolak ansur dan kerjasama adalah asas kekuatan sesebuah negara yang tanpa kedua-dua faktor ini maka kestabilan politik sesebuah negara tidak mungkin wujud. Tanpa kestabilan politik kemajuan dan pembangunan akan hilang. Tidak perlu bagi kita meninjau penderitaan dan kesengsaraan rakyat di kawasan jauh tetapi negara-negara Indo-China sebagai contohnya.

Kekacauan dan ketidakstabilan politik akan membawa penderitaan kepada rakyat dan kemusnahan kepada sebuah negara. Amatlah penting bagi mereka dalam Kerajaan yang diberikan kuasanya untuk melaksanakan kuasa-kuasa mereka dengan adil dan saksama dari apa segi sekalipun. Amalan 'politik atas pagar' akan menimbulkan ketidakstabilan dan kacau-bilau dan ini bukanlah yang kita kehendaki. Kita perlu dan mahukan sebuah negara yang stabil di mana rakyatnya tanpa mengira kaum dan keturunan dapat menjalankan pekerjaan mereka dalam suasana yang terbaik yang dapat kita sediakan.

Keseimbangan atau keadaan yang sama rata mesti diwujudkan dalam sebuah negara yang berbilang kaum. Adalah menjadi sikap yang tidak bertanggungjawab untuk melaksanakan 'politik atas pagar' dengan menimbulkan keadaan yang tidak menyenangkan dan memperburukkan salah faham di antara rakyat jelata.

Persoalan yang mesti kita tepuk dada sama sendiri ialah sama ada kita mesti selalu menimbulkan sesuatu ketegangan sedangkan tidak ada sebab-sebab bagi kita berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkata demikian sebagai merujuk kepada pengumuman yang diucapkan melibatkan Tarian Singa yang diumumkan baru-baru ini. Apakah mesti kita sentiasa mencodakkan soal-soal sensitif? Saya tidak percaya bahawa kita tidak boleh bersikap sederhana dan bertolak ansur ketika menghadapi sesuatu perkara. Para pemimpin dan mereka yang berkuasa hendaklah sentiasa menimbang kesudahan di atas tindakan dan ucapan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, zaman kemelesetan ekonomi merupakan zaman krisis. Dalam menghadapi sesuatu krisislah maka sikap rasional mestilah diutamakan untuk memimpin atau memandu tindakan-tindakan dan ucapan-ucapan kita. Kita tidak boleh terperangkap oleh sensasionalisme untuk tujuan politik. Ini hanya akan merugikan negara sahaja dan kita tidak mampu berbuat demikian. Diketika menghadapi krisislah maka diperlukan sikap tolak ansur dan kerjasama di antara rakyat jelata. Ini memerlukan usaha seluruh rakyat untuk menjamin negara ini tidak akan menghadapi masa depan yang buruk.

Dalam saat-saat inilah maka perpaduan rakyat yang lebih kukuh diperlukan dan ini harus menjadi perhatian atau matlamat kita. Masa ini bukanlah untuk kita menimbulkan sesuatu isu atau untuk kita mempersoalkan ketaatsetiaan dan kejujuran mana-mana masyarakat pun. Semua masyarakat harus diberi layanan yang sama rata. Sekiranya negara ini menderita tiada masyarakat manapun yang akan mendapat faedahnya. Dengan kata lain untung nasib kita saling berkaitan antara satu

sama lain. Inilah faktor ataupun kedudukan yang nyata dalam negara yang berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti berikhtiar untuk menjamin supaya ketika menghadapi kemelesetan ekonomi ini kita harus lebih pragmatik dan pendekatan terhadap masalah-masalah dalam negeri. Sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berkata dalam satu wawancara baru-baru ini bahawa semasa menghadapi keadaan yang buruk seseorang mempunyai masa yang lebih untuk menyelidik sama ada dirinya dapat mengurus atau mentadbir dengan baik atau sebaliknya baik dalam apa bidang pun. Saya memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini kerana ia bukan semata-mata berkaitan dengan persoalan pengurusan, bukan hanya kepada perkara yang kita biasa hadapi, tetapi kita harus bersikap lebih berhati-hati untuk mencari di mana-mana punca yang menyebabkan timbulnya perasaan sedemikian dan manakah yang mendorong para pelabur mempertingkatkan pelaburannya bagi memperingatkan aktiviti ekonomi dan productivity atau daya pengeluaran.

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, masa telah tiba bagi kita menilai semula setengah dasar ekonomi kita. Saya yakin dan percaya bahawa keyakinan boleh diwujudkan sekiranya kita mampu menghapuskan elemen-elemen yang menghalang pelaburan dan penyertaan ekonomi yang lebih besar. Saya juga percaya bahawa diri kita mesti sanggup mengulangkaji kaedah atau cara-cara pelaksanaan dalam setengah-setengah polisi yang dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, kedatangan pendatang-pendatang haram Indonesia yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini telah menimbulkan masalah sosial yang boleh menjejaskan masa depan negara kita ini. Malaysia

menghadapi masalah sendiri untuk menampung keperluan rakyat dan kedatangan pendatang-pendatang haram Indonesia ini telah menimbulkan satu ancaman baru terhadap kestabilan negara ini.

Kerajaan tidak boleh menutup matanya terhadap masalah sosial yang wujud berikutan kedatangan pendatang-pendatang haram Indonesia ini. Kemunculan mereka telah menarik perhatian masyarakat dan seterusnya menimbulkan perasaan yang kurang senang. Kebanyakannya terlibat dalam keganasan dan kekejaman, merompak, merogol, malah pembunuhan. Ketenteraman dan kedamaian di kebanyakan kawasan telah terancam malah musnah sama sekali berikutan kemunculan pendatang-pendatang haram Indonesia ini.

Kerajaan tidak harus berpeluk tubuh sebaliknya mesti berikhtiar untuk mengambil tindakan-tindakan tegas untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia hendaklah mengelakkan dari dianggap oleh masyarakat antarabangsa sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar double standard. Dan dalam masalah pendatang haram, saya berpendapat apabila Kerajaan sanggup mengambil tindakan tegas terhadap pendatang-pendatang dari Vietnam maka dasar yang sama hendaklah dilaksanakan ke atas pendatang-pendatang haram Indonesia. Kita tidak boleh bersikap berlengah-lengah dan membiarkan keadaan buruk ini berlarutan. Kemunculan pendatang-pendatang haram ini akan melemahkan kekuatan negara dan memusnahkan kestabilan dan keharmonian yang kita nikmati selama ini. Kita mesti bertindak sekarang juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Kerajaan yang mengamalkan konsep bersih, cekap dan amanah. Saya percaya bahawa dengan kemahuan dan keazaman kita

akan dapat memperkukuhkan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat jelata kepada Kerajaan Barisan Nasional. Marilah kita kotakan kepercayaan ini dan kita bertindak apa yang betul dan benar.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Hilir Perak.

5.24 ptg.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob (Hilir Perak): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyertai menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya sungguh tertarik hati dengan hujah-hujah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelum daripada saya dalam ucapan sokongan mereka terutama Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Parti Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hujah-hujah Ketua Pembangkang yang juga wakil dari Kota Melaka, juga pemimpin DAP telah menekankan bahawa Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lepas telah mengamalkan political blackmail, sikap dictatorship, tidak adil, bongkak, sombong dan sebagainya. Ingin saya mengingatkan di Dewan yang mulia ini bahawa rakyat telah membuat keputusan dan pilihan mereka. Di harap DAP menghormati amalan demokrasi tulin yang telah ditunjukkan oleh rakyat. Janganlah pula menggunakan Dewan yang mulia ini untuk meluahkan perasaan frustrasi pemimpin-pemimpin DAP terhadap keputusan bijak yang telah dibuat oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional adalah dianggotai oleh beberapa buah parti. Oleh kerana pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tidak mengamalkan sikap diktator, maka Barisan Nasional mendapat kemenangan yang cemerlang serta Barisan Nasional di dalam keadaan aman dan tenteram. Sebaliknya DAP

hanya berupa sebuah parti, ditolak oleh sebilangan besar rakyat dan parti itu sendiri dalam keadaan huru-hara sehingga melibatkan satu by-election terpaksa diadakan di Kepayang di mana wang rakyat dan wang negara terpaksa dibazirkan. Ini adalah kerana pemimpinnya sendiri yang mengamalkan sikap diktator.

Tidaklah hairan mengapa pemimpin DAP itu mengecap pemimpin Barisan Nasional bersikap diktator, kerana orang yang guilty terpaksa mengata orang lain sesuatu yang dilakukannya agar perasaan guilty yang dirasanya itu boleh reda daripada fikirannya. Dari segi keadilan pula, hampir kesemua parti Pembangkang telah mengecap Barisan Nasional mengamalkan sikap tidak adil kepada rakyat di kawasan-kawasan di mana Pembangkang menang. Perlu saya ingatkan di sini kepada parti DAP bahawa hampir kesemua kawasan-kawasan DAP adalah di dalam kawasan bandar. Apa yang tidak ada di dalam bandar—rumah sakit besar, jalan-jalan batu bersimpang siur, sekolah-sekolah tidak terbilang, api, supermarket, panggung wayang, pasar dan beratus-ratus lagi kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. Kota Melaka seratus kali elok dari Hilir Perak yang tidak ada air, tidak ada api, tidak ada jalanraya, rumah sakit jauh sekali dan panggung wayang, supermarket hanya menjadi angan-angan bagi rakyat Hilir Perak.

Kuala Lumpur Bandar seratus kali elok dari Kubang Pasu, kawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sungai Besi seratus kali elok dari Padang Terap ataupun Kuala Muda. Jelutong lebih elok dari Permatang Pauh, begitu juga Kota Setar yang diwakili oleh PAS lebih membangun dari kawasan Ulu Muda dan saya tahu ada kampung-kampung dalam kawasan Parlimen Alor Setar yang tidak ada elektrik walhal di sebelahnya dalam kawasan Kota Setar ada elektrik dibekalkan. Inikah yang dikatakan

oleh parti Pembangkang tidak adil dari Barisan Nasional, kerana keadilanlah maka Barisan Nasional dapat bertapak kukuh dan kuat selama 25 tahun kita mencapai kemerdekaan.

Jangan dikaburkan mata rakyat dengan fitnah kotor ini, kerana kenyataan dapat dibuktikan dan fitnah ini akan memecahkan persengketaan antara rakyat. Sikap Pembangkang yang seperti inilah membawa benih-benih perkelahian dan inilah cara perpaduan yang dibawa oleh pihak-pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang juga telah mengutuk ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atas rakyat yang tidak setia kepada negara ini yang telah berhijrah ke negara-negara lain, kerana kegiatan mereka yang memburuk-burukkan negara, kerakyatan mereka telah dilucutkan. Nampaknya DAP sungguh bersimpati dengan mereka. Tahukah wakil dari Kota Melaka bahawa yang berhijrah ini bukanlah penjual sayur, bukan nelayan, bukan penjual ikan, bukan peniaga kecil tetapi kaum-kaum profesional, kaum-kaum yang telah kaya raya yang mana telah menikmati segala kemudahan yang diberi oleh Kerajaan untuk belajar. Setengahnya mendapat bantuan terus dari Kerajaan dan mereka ini telah diberi peluang menimba kekayaan di negara ini. Tetapi setelah mereka tidak dibenarkan untuk membolot semua untuk perut mereka, merekapun lari. Mereka adalah dari golongan yang tamak dan haloba. Mereka dari golongan yang tidak ingin melihat orang yang miskin menjadi kaya, yang bodoh menjadi pandai. Mereka adalah opportunists dan buaya darat yang besar. Inilah golongan yang ingin dipertahankan oleh DAP? Manusia-manusia yang tidak mengenang budi, manusia-manusia yang tamak haloba dan manusia-manusia yang bersikap kacang lupakan kulit. Ini tidak harus

diberi muka, dan tidak harus diberi tempat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Pembangkang DAP juga telah mengecam Kerajaan dalam hal bumiputra dan bukan bumiputra. Ini juga tidak betul dan tidak adil bagi mereka. Perlu diingatkan bahawa ini hanya merupakan satu sistem sementara untuk membetulkan keadaan masyarakat yang tidak seimbang. DAP mesti menerima hakikat bahawa kaum bumiputra telah ketinggalan dalam serba-serbi selama 446 tahun semasa negara ini dijajah. Sekolah Menengah bumiputra hanya wujud di awal tahun 60an, Dasar Ekonomi Baru hanya wujud di awal tahun 70an. Berilah peluang untuk bumiputra bernafas di bumi nenek moyangnya sendiri. Bumiputra telah begitu lama menderita, bumiputra telah merelakan negaranya dibanjiri oleh sesiapa sahaja. Boleh diibaratkan rumahnya diberi untuk orang lain duduk, mencari makan, mencari kekayaan bersenang-lenang. Janganlah pula tangan yang memberi rezeki itu dipotong setelah kita sudah kenyang. Janganlah tuan rumah yang baik dan berbudi itu ingin disiksa di dalam rumahnya sendiri, selepas itu dicampak ke dalam sungai dengan keadaan yang lemas dan dibenam-benamkan pula. Berilah mereka hidup sepertimana orang lain kerana dengan itu sahajalah dapat kita menyahut apa yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu "duduk sama rendah, berdiri sama tinggi. Hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah."

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Labis.

5.31 ptg.

Tuan Bahari bin Haron (Labis): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri buat pertama kalinya di Dewan yang mulia ini menyokong Usul Ucapan

Terima Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Rakyat Malaysia dari semua golongan kaum, memanglah mempunyai harapan yang tinggi semoga usaha-usaha pragmatik Kerajaan baru ini seperti yang digariskan di dalam Titah Ucapan Baginda akan menjadi satu kenyataan. Kita mahu membina sebuah masyarakat Malaysia yang aman dan makmur yang dapat menjamin masa depan yang cemerlang bagi semua rakyat tidak mengira asal keturunan mereka. Usaha-usaha ke arah ini akan hanya berjaya jika rakyat yang terdiri dari berbilang kaum itu saling hormat-menghormati akan aspirasi masing-masing dan menerima dengan hati yang terbuka segala rancangan dan dasar-dasar pragmatik dan realistik sebagaimana yang dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang telah mendapat sokongan yang besar dari kebanyakan rakyat. Cara kita menjalankan dasar-dasar tersebut dengan berpandukan sifat "kesederhanaan" akan pasti dapat memberikan makna kepada hasrat dan cita-cita suci-murni kita untuk membentuk masyarakat Malaysia yang aman, bahagia dengan identitinya tersendiri yang boleh menjadi kebanggaan kepada rakyat Malaysia yang cintakan watannya.

Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak telah diperkatakan tentang hasrat Kerajaan hendak membantu kaum bumiputra di bidang ekonomi. Usaha-usaha ini tentu tidak akan berjaya jika sekiranya mereka yang terlibat dengannya tidak memahami kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh bumiputra itu sendiri.

Agensi-agensi yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk tujuan menolong kaum bumiputra mestilah mengkaji prestasi mereka dari masa kesemasa. istilah "menolong" mestilah difahami dengan sedalam-dalamnya. Fahaman kita mengenai perkataan "menolong"

ialah memberikan bantuan kepada pihak yang lemah, dhaif dan tidak berkemampuan. Kaum bumiputra masih dhaif, masih memerlukan pertolongan dalam berbagai-bagai segi. MARA, UDA, PERNAS serta Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri mestilah mengatur strategi-strategi yang benar-benar berkesan.

Di dalam bidang perniagaan misalnya orang-orang bumiputra masih lagi menghadapi masalah kekurangan modal. Badan-badan yang terlibat di dalam memberikan pinjaman termasuk bank-bank perdagangan sepatutnya janganlah mengenakan syarat-syarat yang terlampau ketat apabila menilai permohonan-permohonan pinjaman daripada peniaga-peniaga bumiputra. Skim-skim pinjaman dengan syarat-syarat yang lebih realistik mestilah diwujudkan. Pihak-pihak yang terlibat dalam memberikan pinjaman tidak seharusnya memikirkan keuntungan bagi badan-badan itu semata-mata.

Bagi bumiputra yang telah berjaya mengaut kekayaan di bawah Dasar Ekonomi Baru mereka perlulah memainkan peranan bagi menolong bumiputra yang mempunyai potensi untuk berjaya. Mereka yang telah berjaya janganlah bersifat tamak (selfish) semata-mata memikirkan keuntungan mereka sahaja. Jika seorang bumiputra yang telah berjaya dapat menolong seorang bumiputra yang lain sudah tentu lebih ramai peniaga-peniaga bumiputra yang lain dapat mengecap kejayaan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, dasar "Memandang ke Timur" adalah satu dasar yang seharusnya boleh diterima oleh rakyat. Hasrat kita untuk mewujudkan satu ethika kerja yang boleh mempertingkatkan pengeluaran negara berasaskan kepada ethika kerja orang-orang Jepun dan Korea Selatan haruslah diberi sambutan. Tetapi dalam kita cuba hendak

menceduk ciri-ciri yang baik dari kedua-dua negara yang telah maju ini kita harus berwaspada semoga dasar ini tidak akan dipergunakan oleh negara-negara Jepun dan Korea Selatan sebagai satu helah bagi mereka untuk mengambil kesempatan dan keuntungan yang berlebihan daripada kita. Jika sekiranya dasar ini melibatkan kita memberi keistimewaan (*preferential treatment*) kepada barang-barang yang dibeli dari mereka, kita mestilah memastikan bahawa barang-barang yang dijual kepada kita mutunya tinggi serta harganya berpatutan.

Kerja-kerja pembinaan yang telah ditawarkan kepada pemborong-pemborong dari negeri-negeri Jepun dan Korea Selatan hendaklah dipastikan dapat memberikan keuntungan kepada kita dari segi perpindahan teknologi. Apa yang sepatutnya kita dapati mestilah setimpal dengan bayaran tinggi yang kita berikan kepada mereka. Kita juga mesti memastikan bahawa negara kita tidak akan menjadi pasaran mudah "dumping ground" bagi barang-barang yang tidak laku lagi dipasaran negara mereka. Kita masih ingat kepada fenomena "The Ugly American" yang melanda negara-negara membangun kira-kira 10-15 tahun dahulu. Kita tidak mahu satu fenomena baru iaitu fenomena "The Ugly Japanese" ataupun "The Ugly Korean" timbul di negara kita. Dasar "Memandang Ke Timur" ini mestilah mendatangkan keuntungan dua hala.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar pendapatan negara dicurahkan untuk membeli senjata-senjata dan lain-lain keperluan angkatan tentera kita. Wang yang begitu banyak sudah tentu dapat digunakan untuk tujuan-tujuan yang mendatangkan faedah yang lebih besar. Kerajaan mempunyai tanggungjawab di atas pertahanan negara, tetapi sebagai

sebuah negara kecil strategi pertahanan kita mestilah berlandaskan kepada pembinaan pertahanan untuk tujuan mempertahankan diri semata-mata. Kita mestilah memikirkan satu pendekatan baru di dalam soal pertahanan serantau. Sungguhpun ASEAN tidak berhasrat untuk menjadi satu pakatan tentera, kita mestilah menggalakkan kerjasama dua hal (*bilateral co-operation*) di antara negara kita dengan negara-negara anggota ASEAN dalam bidang pertahanan.

Operasi-operasi bersama tentera mestilah dipertingkatkan. Hasrat kita untuk menjadikan rantau Asia ini sebagai satu kawasan yang aman, bebas dan berkecuali tentu tidak akan berjaya jika negara-negara ASEAN-dengan secara *collective* tidak dapat bersefahaman dari segi pertahanan serantau. Kuasa-kuasa besar akan hanya menghormati kita jika anggota-anggota ASEAN menunjukkan kesanggupan hidup dan mati bersama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan di dalam Perhimpunan Agong UMNO baru-baru ini iaitu negara Malaysia ini mampu menampung jumlah penduduk sebanyak lebih kurang 70 juta semuanya. Walaupun masalah pertambahan penduduk masih lagi dihad yang boleh dianggap menasabah, kita mesti memikirkan dengan serius implikasi pertumbuhan yang tidak terkawal.

Di dalam rancangan projek-projek pembangunan kita mestilah mengambil kira faktor pertumbuhan penduduk ini. Masalah penghijrahan penduduk-penduduk dari kawasan-kawasan luar bandar ke kawasan-kawasan bandar telah membebankan bandar-bandar tersebut. Masalah kesesakan, kesihatan, keperluan seperti air dan api, tempat-tempat belajar bagi kanak-kanak adalah merupakan bebanan-bebanan yang besar yang mesti diatasi. Kerajaan mesti mencari

jalan bagi menggalakkan penduduk-penduduk di luar bandar untuk terus menetap di luar-luar bandar. Peluang pekerjaan, keperluan-keperluan asas bagi kehidupan yang sempurna mestilah diadakan di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, MISC (Malaysian International Shipping Corporation) adalah sebuah perbadanan di mana Kerajaan mempunyai 62.8% saham di dalamnya. MISC mempunyai dua peranan utama. Peranan pertama ialah dari segi ekonomi dan tugas ini dilaksanakan dengan jayanya oleh MISC memandangkan prestasinya yang sentiasa tinggi. Dengan sendirinya MISC sebagai sebuah syarikat yang viable dapat menjadi contoh dalam usaha Malaysia hendak mewujudkan sebuah negara perkapalan (Maritime Nation) Di samping itu MISC juga berkemampuan memainkan peranan utama dalam usaha penglibatan negara terhadap "pembayaran tidak ketara" (invisible trade payment). Ini akan dapat membantu kita menjimatkan pertukaran wang asing.

MISC sekarang berada di suatu tahap di mana ia boleh memainkan peranan utama yang lebih aktif dalam hal ini memandangkan bayaran tambang (Shipping freight) merupakan sebahagian besar daripada "invisible payment" negara. Fungsi kedua MISC ialah fungsi sosial politik. Fungsi ini tidak kurang pentingnya terutama di dalam konteks mewujudkan kegemilangan Malaysia sebagai sebuah negara perkapalan seperti yang pernah wujud di zaman kegemilangan Kesultanan Melaka dahulu.

Sebagai sebuah syarikat perkapalan yang terulong yang telah membuktikan kemampuannya melalui prestasi yang tinggi, MISC berkewajipan memainkan peranan utama dalam memenuhi hasrat ini. Satu-satunya kegiatan terpenting dalam mencapai matlamat

ini ialah mewujudkan kepakaran di kalangan anak-anak bumiputra di bidang perkapalan. Kita masih kekurangan tenaga mahir dan tenaga profesional dalam bidang-bidang pengurusan perkapalan dan pengendalian kapal-kapal saudagar kita. Oleh yang demikian, MISC dengan segala kemudahan yang ada padanya mestilah mengambil daya usaha dan inisiatif yang lebih tegas supaya kemajuan di kedua-dua bidang ini dapat dirasai dengan lebih berkesan lagi. Tindakan-tindakan positif mestilah diambil sekarang juga untuk memastikan kapal-kapal saudagar kita diperintah oleh Kapten-kapten tempatan terutamanya bagi kapal-kapal yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa. Galakan mestilah diberi supaya belia-belia sanggup bekerja sebagai kelasi dan pegawai kapal. Lebih dari itu mereka yang berkelulusan yang membolehkan mereka memerintah kapal hendaklah digalakkan supaya terus bekerja di kapal-kapal hingga dapat menjadi pegawai pemerintah. Perkara ini penting kerana sebagai satu perusahaan stratijik orang Malaysia sendiri seharusnya menjadi pegawai-pegawai pemerintah kapal-kapal kita. Jika ini diabaikan maklumat mengenai kargo-kargo stratijik kepunyaan Kerajaan, umpamanya Kementerian Pertahanan mungkin akan diketahui oleh orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) patutlah diberi lesen untuk menjalankan perniagaan sebagai bank perdagangan (commercial bank) untuk menampung kerugian tertimbun yang ditanggungnya sejak beberapa tahun yang lalu. Bank ini mempunyai potensi yang besar untuk berjaya. Kejayaan bank ini sudah tentu akan mendatangkan faedah dan keuntungan kepada pemegang-pemegang sahamnya yang kebanyakannya terdiri dari petani, nelayan dan peniaga-peniaga kecil.

Tuan Yang di-Pertua, belia kita hari ini terdedah kepada bermacam-macam gejala yang tidak sihat. Masalah penyalahgunaan dadah kian bertambah buruk. Kita mesti memerangi masalah ini dengan segala usaha yang boleh, oleh kerana dadah boleh menghancurkan jenerasi kita yang akan datang. Usaha-usaha yang berkesan ke arah ini mestilah dilipatgandakan. Hukuman-hukuman yang berat mestilah dikenakan kepada pengedar-pengedar dadah yang mengaut keuntungan yang begitu besar dari penderitaan penagih-penagih. Bahaya penyalahgunaan dadah adalah lebih dahsyat dari ancaman anasir kominis. Pandangan yang paling serius hendaklah ditumpukan ke arah usaha mengatasi masalah yang berat ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan merupakan masalah yang rumit yang memerlukan penelitian yang serius terutamanya dari segi hasrat kita hendak memberikan tempat tinggal yang sempurna kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Rumah-rumah yang dibina mestilah dijamin dapat memberikan sedikit keselesaan kepada penghuni-penghuninya, oleh kerana biasanya penghuni-penghuni rumah jenis ini adalah terdiri daripada mereka yang berkeluarga besar.

Saya mendapat tahu pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membelanjakan wang yang begitu banyak bagi membina beratus-ratus buah rumah kos rendah di Bandar Tun Abdul Razak yang dahulunya dipanggil dengan nama Kampung Kongo, di Cheras, Kuala Lumpur. Keadaan rumah-rumah yang dibina itu amatlah menyedihkan. Pembinaannya tidak mengambil kira masalah kesesakan dan keselamatan penghuni-penghuninya. Pintu belakang pun tidak ada. Ini adalah satu penghinaan kepada kaum manusia sejagat. Di bandar-bandar besar mereka yang tidak berkemampuan langsung untuk

membeli rumah walaupun rumah-rumah itu adalah rumah murah, saya mengesyorkan supaya Kerajaan membina rumah-rumah untuk disewa dengan cara sewaan jangka masa panjang (long-term tenancy) dengan kadar sewa yang berpatutan. Proses kelulusan permohonan tukar syarat serta kelulusan pelan binaan dari pemaju-pemaju swasta yang bercadang membina rumah kos rendah dan kos-kos sederhana mestilah dipercepatkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Hilir Padas.

5.48 ptg.

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob (Hilir Padas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berdiri untuk menyertai dengan Ahli-ahli yang lain untuk menyokong usul yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat, Tuan Shamsuri bin Md. Saleh menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong beberapa hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pilihanraya umum telah berlangsung dengan lancar dan membawa kenangan. Ia sudah berlaku tetapi nampaknya ada juga pihak yang tidak puas hati atas keputusan pilihanraya itu. Yang tidak puas hati ialah mereka yang tewas. Saya berasa amat kesal terhadap kata-kata yang dilemparkan terutamanya oleh Ahli dari Kota Melaka kepada Ahli dari Ulu Padas selaku Ketua Menteri Sabah semasa beliau berucap beberapa hari yang lalu membahaskan Titah Ucapan Di Raja.

Saya berasa kesal ke atas tingkahlaku Ahli tersebut dan juga Ahli dari Jelutong di Dewan yang mulia ini, tingkahlaku mereka adalah mengecewakan dan lebih mengecewakan saya lagi ialah Ahli dari Kota Melaka itu bukan sahaja seorang Ahli Yang Berhormat tetapi juga sebagai Ketua Pembangkang di Dewan

yang mulai ini. Tuduhan liar beliau mengenai politics of blackmail terhadap Ahli dari Ulu Padas selaku Ketua Menteri Sabah adalah satu tuduhan yang tidak berasas. Kalau sesuatu tuduhan itu tidak berasas dan tanpa bukti yang nyata maka ianya adalah fitnah semata-mata dan kalau sudah fitnah dan rasa benci menguasai sanubari seseorang itu maka ianya akan menimbulkan satu perasaan dendam dan tidak puas hati buat selama-lamanya. Kalau sudah sedemikian maka segala perbuatan yang dilakukan olehnya ianya tidak akan merasa kepuasan sehingga tercapai hasrat hatinya itu. Inilah perasaan yang menguasai Ahli dari Kota Melaka itu.

Tuan Yang di-Pertua, manusia yang suka memutar-belitkan keadaan yang sebenarnya adalah golongan orang-orang yang kecewa dan tidak bertanggungjawab dan segala tindak-tanduk mereka adalah berlandaskan pada perasaan sentimen dan bukannya berlandaskan kepada keimanan. Ini sangat merbahaya kerana ianya akan menimbulkan dan membangkitkan perkara-perkara yang sensitif.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kota Melaka adalah orang yang kecewa dan kalau sudah beliau di dalam keadaan yang sedemikian maka beliau dan rakan-rakan beliau akan sentiasa dirundung kegelisahan dan sentiasa di dalam keraguan terhadap apa sahaja rancangan dan pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan. Di antara keyakinan dengan keraguan mereka ini lebih rela meluahkan keraguan terhadap setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan walaupun mereka mengetahui dan menyedari bahawa sebilangan besar rakyat di negara ini lebih berkeyakinan atas kemampuan Kerajaan di dalam mentadbir dan membangunkan negara ini.

Memanglah mudah bagi seseorang manusia itu melemparkan apa sahaja

kritik mengenai sesuatu perkara tetapi sama ada kritik itu membina ataupun mendatangkan faedah ataupun sebaliknya adalah satu perkara lain. Mereka yang suka menjelmakan sebarang kritik kepada Kerajaan tanpa usul dan bicara adalah orang-orang yang kecewa dan orang-orang yang sengaja membiarkan perasaan sentimen mereka menguasai dirinya. Mereka ini adalah gemar mengamalkan sikap pelampau.

Kalaulah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional di Sabah iaitu pemimpin parti BERJAYA mengamalkan sikap political blackmail seperti yang dituduh oleh Ahli dari Kota Melaka dan Ahli dari Sandakan sudah tentu negeri itu akan berada dalam keadaan huruhara, kacau-bilau dan kemunduran. Tetapi seperti semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sedia maklum, semenjak Parti BERJAYA memerintah negeri Sabah sejak tahun 1976 banyak kemajuan dan pembangunan telah dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, tidaklah payah saya menyebutkan satu persatu mengenai pembangunan itu, madailah jika saya katakan bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan para pemimpin parti BERJAYA telah berjaya membawa negeri Sabah dari hampir bankrap kepada tahap yang sangat dibanggakan di segi pembangunan politik, sosial dan ekonomi. Mereka telah bertungkus-lumus tanpa menghiraukan penat lelah demi kepentingan penduduk-penduduk Sabah. Rakyat di Sabah telah memberi penuh kepercayaan kepada Parti BERJAYA di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Ini telah jelas dibuktikan di masa Pilihanraya Umum Negeri pada bulan Mac, 1981 di mana parti BERJAYA telah memenangi hampir 48 kerusi yang telah dipertandingkan dan Parti BERJAYA menerusi Barisan Nasional juga

mendapat kemenangan yang gilang-gemilang di waktu pilihanraya Parlimen di bulan April pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat bukannya bodoh, mereka tahu berfikir dan membuat penilaian di antara yang baik dengan yang jahat. Sebenarnya pihak DAP adalah cemburu dan dengki atas kejayaan yang telah dicapai oleh Parti BERJAYA, maka itulah sebab mereka meluahkan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Dewan ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 5.55 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 6.13 petang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Timbalan Yang di-Pertua: Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas menyambung ucapannya.

Tuan Mohammed Yusoff bin Haji Yakob: Tuan Yang di-Pertua, semenjak Parti BERJAYA memerintah negeri Sabah rakyat di negeri itu adalah sentiasa berada di dalam kehidupan yang aman damai, bahagia dan sejahtera. Kerajaan Parti BERJAYA juga sentiasa mendokong inspirasi dan cita-cita murni Kerajaan di bawah pemimpin 2M.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan mengenai dengan tidak ada peruntukan pembangunan di Sandakan adalah sama sekali tidak berasas. Bandar Sandakan sebenarnya seperti juga bandar-bandar yang lain di Sabah telah, sedang dan akan menerima peruntukan bagi pembangunan di kawasan tersebut. Apakah pelaksanaan projek lapangan kapalterbang di Sandakan yang berjalan dengan lancar sekarang ini dan pembinaan jalanraya-jalanraya, elektrik, air dan

sebagainya itu bukan pembangunan? Kalaulah ini tidak diistilahkan pembangunan, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apakah pembangunan yang dimaksudkan oleh Ahli dari Sandakan itu.

Menyentuh mengenai dengan penukaran tiga orang pegawai di Sandakan seperti yang disebutkan oleh Ahli dari Sandakan itu, sebenarnya perkara tukar-menukar kakitangan Kerajaan adalah sudah menjadi kebiasaan di dalam Perkhidmatan Awam di mana-mana negeri pun. Ini bukan perkara ganjil, sebenarnya ini harus untuk meninggikan lagi Prestasi Perkhidmatan Awam, bila-bila masa seseorang pegawai itu boleh ditukar ke mana-mana.

Saya ingin menyentuh satu pengakuan daripada Ahli dari Bandar Sibul di dalam ucapan beliau di Dewan yang mulia ini beberapa hari yang lalu bahawa kata beliau kebanyakan penduduk di Sarawak mahukan rancangan televisyen diudarkan di dalam tiga bahasa iaitu bahasa Iban, bahasa Tionghua dan bahasa Inggeris. Saya sangat berasa kesal dengan pendapat Ahli itu yang mengenenikan sama sekali penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mencapai kemerdekaan sudah sesuku abad. Kita mahu merdeka oleh kerana beberapa sebab, satu darinya ialah kita mahu bebas dan mengecap serta menikmati keamanan dan kesejahteraan hidup yang lebih sempurna, teratur dan seterusnya membangunkan negara ini berlandaskan kepada inspirasi rakyat jelata. Kita mahu merdeka dengan ertikata merdeka sepenuhnya. Kalau kita masih juga mendewa-dewakan dan menggunakan bahasa asing dan masih lagi meniru fikiran yang diamalkan oleh negara-negara barat terutamanya, ini namanya terjajah juga. Saya sangat hairan kenapakah sekian lama kita sudah mencapai kemerdekaan masih

lagi banyak rakyat yang tidak mahu ataupun sengaja tidak mahu bertutur di dalam Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Kebangsaan di sesebuah negara itu adalah melambangkan kemegahan warisan budayanya, semangat nasionalisma boleh dibayangkan melalui bahasa, tanpa bahasa sesebuah negara itu akan kehilangan identiti kebangsaan yang tulen dan sejati. Bahasa adalah jiwa bangsa, perpaduan dan keharmonian negara. Justeru itu Bahasa Kebangsaan kita haruslah diletakkan ke tahap yang sewajarnya dan disanjung mulia oleh setiap lapisan masyarakat yang ada di negara ini. Setiap warganegara adalah mempunyai tanggungjawab demi memastikan Bahasa Kebangsaan ini dipergunakan sepenuhnya oleh semua masyarakat di negara ini. Saya dengan ini merayu kepada pihak Kerajaan khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka supaya dapat menganjurkan banyak lagi kursus-kursus yang berkaitan demi menyedarkan rakyat betapa pentingnya penggunaan Bahasa Kebangsaan itu di dalam kehidupan kita seharian. Untuk mencapai cita-cita yang murni ini kita semua haruslah mengendalikannya dengan setulus ikhlas hati kita dengan harapan semoga keraguan terhadap keupayaan Bahasa Kebangsaan itu akan dikikiskan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kerap kali saya terdengar orang-orang yang tahu bertutur di dalam Bahasa Kebangsaan sengaja bertutur di dalam bahasa asing. Perkara seumpama ini selalu berlaku di mana-mana baik di dalam kapal-terbang pramugaranya, pramugarinya melayan kita dalam bahasa asing, mahupun di pusat-pusat membeli belah dan yang mendukacitakan lagi ialah ada juga mesyuarat yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai Kerajaan di-kelolakan dengan banyak menggunakan bahasa asing. Perkara yang sedemikian rupa sudah pasti akan

menghalang sedikit sebanyak daya usaha dan impian kita untuk meletakkan Bahasa Kebangsaan ke tahap yang dibanggakan. Kita haruslah mempunyai penuh keyakinan ke atas keupayaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara. Bahasa Kebangsaan adalah asas perpaduan negara dan nadi penggerak pembangunan negara, kalau bahasa sudah tidak teratur, semangat kebangsaan sudah luntur maka akhirnya bangsa akan hancur kerana bahasa adalah jiwa bangsa. Justeru itu saya sekali lagi menyeru kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang berat dan mengambil tindakan yang sewajarnya demi memastikan bahawa Bahasa Kebangsaan itu digunakan dengan sempurna dan berkesan oleh semua rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, setiap perbuatan menghina itu tanpa bukti yang nyata adalah perbuatan keji. Ini semua ada batasan. Oleh yang demikian marilah kita semua memberi perhatian yang berat dan serius atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dengan izin:

“Gunakanlah peluang dan kesempatan Dewan yang mulia ini untuk mencari penyelesaian kepada masalah rakyat. Jadikanlah Dewan yang mulia ini sebagai tempat menghasilkan pemikiran baru untuk kebahagiaan Rakyat. Jadikanlah Dewan ini tempat merumuskan keputusan untuk kesejahteraan rakyat.”

Dengan ini, saya menyokong Usul Titah Diraja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Setapak.

6.20 ptg.

Tuan Mohammed Idris bin Mohammad Basari (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk

menyokong Titah Ucapan yang telah disampaikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Upacara Pembukaan Rasmi Parlimen pada pagi Isnin yang lalu. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini di dalam Dewan yang mulia ini untuk memberi pendapat dan pandangan menyentuh beberapa perkara dalam ucapan Duli Yang Maha Mulia itu.

Sepertimana yang ternyata, negara kita Malaysia telah membangun dengan pesat dan banyak perubahan yang telah kita alami. Soal pembangunan adalah menjadi pusat perhatian dan tumpuan pemikiran rakyat jelata, lebih-lebih lagi Ibukota Kuala Lumpur yang dicintai ini. Pelan Struktur Kuala Lumpur yang telah disediakan itu melambangkan kejujuran Kerajaan untuk mengatur pembangunan bagi pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Berbagai cadangan dan dasar yang terkandung di dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur ini apabila dilaksanakan membolehkan penduduk di Bandar Kuala Lumpur tinggal di dalam suasana alam sekeliling yang indah dan selesa dan lazimnya tinggal di dalam bandar terbentang kemas dan teratur dapat memberi ketenangan jiwa dan fikiran kepada penduduknya.

Tuan Yang di-Pertua, Bandaraya Kuala Lumpur yang sedang melalui proses pembangunan fizikal yang begitu pesat memerlukan sebuah pelan induk yang boleh dijadikan panduan dan rujukan. Untuk memastikan pembangunan Kuala Lumpur di bawah pelan induk ini berjalan dengan lancar, cepat dan mengikut jadual seharusnya tumpuan yang perlu ditekankan pada masa ini bukan lagi kepada penyediaan pelan itu tetapi adalah lebih kepada perlaksanaannya. Oleh itu berhubung dengan syor yang dibuat oleh setengah-setengah pihak meminta deraf pelan struktur itu dipamirkan

lebih lama lagi bagi membolehkan orang ramai mengemukakan syor dan pendapat masing-masing adalah tidak wajar.

Dari pengalaman saya tempoh lebih dari sebulan untuk membuat teguran dan pandangan adalah memadai. Berdasarkan kepada pengalaman dan melihatkan kepada sikap orang ramai yang mengunjungi pameran Pelan Struktur Kuala Lumpur baru-baru ini mereka menunjukkan minat hanya pada ketika mengunjungi sahaja dan selepas itu apabila balik ke tempat masing-masing mementingkan soal-soal peribadi, tidak langsung memikirkan pelan struktur itu. Nada nada yang sedemikian memang tidak kena pada tempatnya apabila ditujukan kepada satu bidang yang begitu penting seperti membangunkan Bandar Kuala Lumpur yang tercinta ini. Lagipun penduduk Kuala Lumpur adalah terdiri daripada mereka yang terpelajar dan yang mempunyai tingkat pemikiran yang agak tinggi dan jika mereka benar-benar sanggup menyambut dan memikul tanggungjawab yang sangat penting bagi membangunkan Kuala Lumpur bersama-sama dengan Kerajaan, semua yang berminat dalam perancangan mestilah bersungguh-sungguh untuk memajukan sebarang pandangan dan pendapat mengenai pelan struktur yang disediakan setelah Kerajaan memberi peluang begitu luas dan masa yang agak lama kepada mereka untuk berbuat demikian.

Saya berpendapat sekiranya semua pihak berusaha dan bekerjasama rapat dengan Kerajaan saya yakin Kuala Lumpur dapat dibangunkan dalam masa yang sesingkat-singkatnya. Sudah tiba masanya bagi Kerajaan bertindak secara positif bagi membangunkan Kuala Lumpur berdasarkan cadangan-cadangan dan syor-syor yang terdapat dalam pelan tersebut bagi menjayakan hasrat dan tekad rakyat bandar yang telah

menunggu arus pembangunan sekian lama.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang kampung-kampung asal seperti Kampung Baharu, Datuk Keramat dan lain-lainnya mengikut strategi yang disediakan dalam pelan struktur ini, kampung-kampung ini akan dibangunkan. Dalam hubungan ini menurut pelan tersebut Kerajaan akan mengisytiharkan kawasan Kampung Bharu sebagai 'kawasan tindakan' memandangkan masa depan pembangunannya yang baik dan untuk memenuhi objektif menyusun semula struktur sosialnya. Sekarang ini didapati di kampung tersebut yang mana penggunaan tanahnya tidak digunakan dengan sepenuhnya dan tidak ekonomi dan lagi bangunan-bangunan juga tidak tersusun. Bagi mengelakkan kampung-kampung ini terbiar terus, maka Pelan Struktur Kuala Lumpur mengesyorkan agar keutamaan diberikan kepada perancangan dan pembangunan di kawasan-kawasan simpanan Melayu.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan mengalu-alukan usaha Kerajaan bagi membangun dan memajukan kawasan-kawasan rezab Melayu di Wilayah Persekutuan. Dalam pelaksanaan projek ini adalah mustahil bagi penduduk-penduduk membangunkan secara bersendirian. Pada pendapat saya program memajukan kawasan-kawasan tanah hendaklah ditadbirkan oleh sebuah perbadanan yang baru mengikut konsep Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri yang sedia ada di setiap buah negeri. Perbadanan yang dicadangkan itu akan melaksanakan tanggungjawab menyediakan kepakaran teknik dan pengurusan serta kewangan untuk memudahkan pembangunan tanah-tanah simpanan Melayu ini. Kerajaan bolehlah menyediakan satu peruntukan khas bagi perbadanan tersebut untuk memajukan tanah-tanah di kawasan ini. Perlu ditegaskan perbadanan ini akan menjadi sebagai

pemegang amanah tanah-tanah tersebut. Dengan cara ini tanah-tanah itu tidak akan bertukar hak milik tetapi perbadanan akan hanya akan diberi hak untuk memajukan tanah-tanah tersebut. Bagi memastikan program pembangunan kawasan-kawasan ini berjalan dengan lancar dan efektif, adalah diharapkan bahawa kadar faedah yang dikenakan ke atas pemberian pinjaman oleh perbadanan ini kepada pemilik-pemilik tanahnya hendaklah yang rendah sekali di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek keupayaan pelaksanaan pula saya ingin menarik perhatian kepada beberapa perkara yang mungkin timbul. Di dalam pelaksanaan projek pembangunan di kawasan-kawasan Melayu ini projek-projek baru yang dirancangkan memerlukan tapak-tapak tanah baru untuk membina pasar-pasar dan lain-lain yang mana hakmiliknya masih di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor atau agensi-agensi Kerajaan yang lain. Kelewatan pengambilan tanah-tanah tersebut boleh menyebabkan tergendala satu-satu projek-projek itu. Perlu juga diberi perhatian di dalam usaha membangunkan kawasan-kawasan Melayu ini kaedah-kaedah baru pelaksanaan projek secara 'turnkey' dan secara berkumpul akan digalakkan bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan ini. Syor-syor yang dibuat ini ialah supaya projek pembangunan dapat dilaksanakan dengan sempurnanya.

Adalah menjadi harapan rakyat dalam usaha Kerajaan membangunkan bandar Kuala Lumpur rekabentuk bangunan-bangunan Kerajaan dan badan-badan berkanun yang akan dibina di masa depan akan melambangkan identiti dan unsur-unsur kebudayaan negara ini. Pihak swasta juga diminta memberi kerjasama supaya bangunan yang

hendak mereka dirikan itu menonjolkan rekabentuk kesenian dan kebudayaan tempatan.

Dalam hal ini suka saya memberi contoh bangunan-bangunan yang ada sekarang seperti Bank Bumiputra, Restoran Rakyat dan lain-lain lagi yang boleh dijadikan asas atau corak dalam usaha kita membina bangunan-bangunan yang berunsurkan seni dan budaya kita. Kita mahu Kuala Lumpur menjadi sebuah bandar yang mempunyai keperibadiannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada rancangan yang termasuk dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur ialah rancangan pembesaran ibukota secara teratur dengan membangunkan beberapa buah bandar satelit. Di antaranya ialah Hawthorndon Estate, satu lagi di Bukit Jalil dan satu lagi di Damansara. Kita sedia maklum Kuala Lumpur sebagai pusat pemerintahan negara menghadapi berbagai-bagai masalah dan kerumitan terutama sekali masalah setinggan. Adalah diharapkan dengan wujudnya bandar baru ini kelak masyarakat setinggan tidak lagi kekal tinggal sebagai masyarakat setinggan. Masyarakat setinggan akan melibatkan diri dalam pembangunan dengan diserapkan mereka ini ke dalam masyarakat kota yang serba moden ke bandar-bandar satelit ini kelak. Nasib mereka patut dibela dan diberi perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh ialah berkenaan banjir yang begitu kerap melanda bandar Kuala Lumpur. Pendek kata masalah banjir bukan lagi satu perkara yang asing kepada penduduk-penduduk Kuala Lumpur. Setiap kali ia berlaku bukan sahaja banyak jiwa dan harta yang terkorban malah sistem perhubungan dan pengangkutan ibukota turut terjejas. Kita harap langkah-langkah jangka panjang dan usaha-usaha yang lebih berkesan akan dapat dihasilkan seperti

membesarkan parit-parit air, kerja-kerja melurus dan mendalamkan sistem taliair yang ada termasuk pembinaan ampangan-ampangan di sungai-sungai tertentu oleh Dewan Bandaraya merupakan usaha ke arah menjadikan Bandaraya sebuah bandar yang bebas dari banjir.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya tegaskan di sini sekali lagi bahawa deraf Pelan Struktur Kuala Lumpur yang dihasilkan oleh Kerajaan itu semata-mata untuk mendatangkan faedah kepada rakyat jelata. Di sini saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya di atas usaha dan sumbangan kedua-dua agensi ini bagi menyediakan Pelan Struktur Kuala Lumpur dan perlu saya tekankan di sini segala rancangan dan dasar hanya boleh dicapai matlamatnya jika penglibatan sepenuhnya daripada rakyat jelata sentiasa ada.

Saya ingin menyentuh tentang pelajaran dan pendidikan khususnya peluang-peluang pelajaran kepada kami yang tinggal dalam Wilayah Persekutuan. Saya memang menyokong penuh projek Kerajaan mendirikan beberapa buah asrama penuh kerana asrama penuh ini akan memberi peluang kepada murid-murid yang cerdas untuk tinggal di asrama-asrama ini. Dengan cara beginilah kita akan memberi peluang dan kesempatan kepada murid-murid ini mencapai kemajuan dalam bidang pelajaran. Langkah Kerajaan untuk memberi peluang ini kepada murid-murid khususnya yang datang dari luar bandar patutlah dipuji. Saya difahamkan ada lebih daripada 20 buah asrama penuh yang didirikan oleh Kerajaan dan ini mendapat sambutan baik dari anak-anak kita. Saya bersetuju dengan pemilihan yang dibuat oleh pihak Kementerian Pelajaran dalam segi menempatkan murid-murid ini ke asrama penuh. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua,

malangnya ramai anak-anak murid ini yang tinggal di Wilayah Persekutuan ini tidak dapat peluang yang baik untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh ini walaupun ada jumlah itu tetapi sangatlah kecil. Alasan yang diberikan oleh Kementerian Pelajaran kononnya murid-murid di Bandaraya ini sudah ada beberapa buah sekolah yang besar-besar yang boleh menampung mereka dan mempunyai kemudahan seperti di asrama penuh juga.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa ada 2 minit lagi.

Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basari: Bagi saya alasan ini tidaklah begitu tepat memandangkan ramai juga murid-murid kita yang mendapat 5A dalam Peperiksaan Penilaian ini tinggal dalam kawasan-kawasan setinggian iaitu kawasan-kawasan yang kurang mendapat kemudahan dan diduduki oleh orang-orang yang kurang bernasib baik. Saya berharap keutamaan haruslah juga diberi kepada murid-murid yang duduk di dalam Wilayah Persekutuan ini yang juga patut mendapat tempat yang sama di dalam asrama-asrama penuh ini. Sekian dan saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kinta.

6.37 ptg.

Tuan Lim Liang Seng (Kinta): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul Terima Kasih atas titah Di Raja oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa berangkat mencemarkan Duli ke Dewan yang mulia untuk merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Keenam.

Saya perhatikan beberapa perkara mengenai hal ehwal negara ini telah disentuh di dalam Titah DiRaja dan saya sungguh gembira mempunyai

peluang untuk memberi pandangan dan pendapat saya di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit sebanyak mengenai satu aspek pendidikan di negara kita yakni kekurangan satu program latihan guru bagi melatih guru Bahasa Cina yang mengajar di peringkat sekolah menengah atas iaitu Tingkatan IV dan V. Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tadi di Dewan yang mulia ini bahawa negara kita mengalami kekurangan guru bukan sahaja dalam matapelajaran bahasa Cina bahkan juga dalam matapelajaran-matapelajaran seperti Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan lain-lain matapelajaran. Tetapi sudah menjadi satu hakikat bahawa Kerajaan ketiadaan satu program untuk melatih guru-guru bagi mengajar matapelajaran bahasa Cina di Tingkatan IV dan Tingkatan V di sekolah-sekolah menengah termasuk sekolah S.M.J.K. Sepanjang pengetahuan saya kursus P.P.A.K.C. dan P.P.A.R. cuma diadakan di beberapa Maktab Perguruan di negara kita yang mana kursus-kursus ini hanya menyediakan guru-guru untuk mengajar bahasa Cina di sekolah rendah dan sekolah menengah rendah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Kerajaan tidak menyediakan satu program yang saya sebutkan itu akan tetapi sekatan-sekatan juga diadakan ke atas guru-guru terlatih yang ingin melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti untuk mengikuti matapelajaran seperti Pengajian Bahasa Cina. Sekatan-sekatan yang saya maksudkan itu ialah tidak memasukkan bahasa Cina dalam senarai approved subjects seperti Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan lain-lain matapelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya untuk memastikan bekalan tenaga pengajar bagi

matapelajaran bahasa Cina di peringkat sekolah menengah atas tidak terbantu, saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan hendaklah mengeluarkan sekatan-sekatan tersebut itu dengan segera. Kerajaan hendaklah juga menyediakan satu rancangan untuk memenuhi keperluan itu. Sekurang-kurangnya Kerajaan hendaklah memberi galakan kepada guru-guru terlatih yang ingin melanjutkan ke Universiti Malaya untuk mengikuti matapelajaran Pengajian Bahasa Cina dengan tidak membeza-bezakan permohonan kemasukan mereka. Lebih elok lagi, jika boleh, sedikit keutamaan diberi dalam menimbang permohonan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit kemelesetan ekonomi. Kemelesetan ekonomi dan kesan-kesannya telah menjejaskan kehidupan rakyat negara ini terutama golongan berpendapatan rendah. Akibatnya seluruh rakyat digesa berjimat cermat untuk menghadapi sesuatu kemungkinan. Seperti pepatah Melayu, "sediakan payung sebelum hujan". Dalam aspek ini, saya ingin menggesa Kerajaan melaksanakan langkah-langkah tertentu untuk menggalakkan rakyat mempertingkatkan pengeluaran makanan bagi mengatasi kesulitan dan penderitaan di samping mengurangkan perbelanjaan. Kerajaan hendaklah melaksanakan satu rancangan "Buku Hijau" untuk meningkatkan daya pengeluaran dalam bidang makanan bagi mencapai tahap berdikari. Saya percaya melalui langkah-langkah praktikal ini maka kita dapat mengurangkan kerumitan rakyat golongan berpendapatan rendah. Sekalipun ini merupakan satu pendekatan yang mudah nescaya ianya akan membawa hasil yang menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, stagflasi atau inflasi yang berlarutan yang menyebabkan keadaan ekonomi semakin merosot dan meningkatnya

pengangguran merupakan ancaman besar kepada negara ini. Ia merupakan sesuatu yang lebih sulit untuk diperangi. Bahayanya stagflasi kini sudah jelas ternyata di kebanyakan negara di mana ekonominya terbantut akibat inflasi. Sekalipun ekonomi Malaysia masih kukuh pada dasarnya, ini tidak bermakna kita boleh berpuas hati, leka dengan keadaan demikian. Kita mesti melaksanakan langkah-langkah yang boleh mendorong pertumbuhan di samping menjamin tidak timbul inflasi dalam perlaksanaannya. Sekalipun ramalan-ramalan mengenai pemulihan ekonomi negara ini sering diperkatakan tetapi masih terdapat tanda-tanda menunjukkan keadaannya yang tidak akan menyenangkan. Dalam keadaan seperti ini Kerajaan hendaklah bersikap lebih longgar dalam melaksanakan dasar-dasar ekonominya dan kajian semula terhadap dasar-dasar ini perlu dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia seperti kita sedia maklum dipengaruhi oleh ekonomi dunia. Kita banyak bergantung kepada kekukuhan ekonomi dari negara-negara maju dan perindustrian. Sekiranya negara-negara maju dan perindustrian ini menderita kemerosotan dalam ekonomi mereka maka kita turut terjejas. Bagaimanapun dalam apa keadaan sekalipun Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar bahan-bahan mentah mesti meneroka pasaran baru dan mencari negara pedagang yang baru. Kita mesti mengamalkan dasar diplomatik yang lebih positif dan dinamik. Malaysia mengamalkan dasar luar yang berkecuali dan kita mesti berikhtiar untuk berbaik-baik dengan semua negara. Kita mesti berikhtiar mencari lebih banyak pasaran untuk keluaran kita. Kita mahu masyarakat antarabangsa menghormati kedaulatan kita tetapi kita tidak dapat lari dari kenyataan bahawa kita adalah sebuah negara kecil. Kita mahu mempertahankan kedaulatan tetapi

kita juga mesti menjamin keluaran barangan utama ini mendapat pasaran yang baik. Kita tidak boleh mengharapkan layanan istimewa daripada negara-negara lain. Sekiranya mereka berbuat demikian itu kerana mereka juga mendapat faedah daripada kita. Begitu juga dalam aspek perhubungan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kita mesti mempertimbangkan dasar kita. Di samping mempelajari dari Timur, kita hendaklah juga mempelajari dari Barat. Saya tidak nampak sebab-sebab mengapa kita mesti jauhkan diri dari Barat sekalipun kita tidak dapat menerima setengah dari nilai-nilai mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh dasar Kerajaan untuk mempelajari etika yang baik, memperkenalkan mutu akhlak dan memupuk sikap dan semangat yang benar. Ini adalah nilai-nilai tradisional yang baik yang boleh membantu membina sebuah masyarakat yang berjiwa. Sekalipun kita menekankan tentang perlunya memandangkan ke Timur, kita tidak boleh lupa bahawa kita mesti berikhtiar mempelajari elemen yang terbaik dari kedua-dua Timur dan Barat. Saya percaya dan yakin bahawa dengan penemuan-penemuan yang baru di Barat dan diubahsuai dengan inovasi Timur negara-negara membangun seperti Malaysia akan menikmati faedahnya. Oleh itu saya ingin menegaskan kita perlu mengekalkan perseimbangan dalam pendekatan kita terhadap Timur dan Barat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membina sebuah negara yang maju dan stable, kita tidak boleh dipengaruhi oleh pandangan cetek. Sekiranya kita bersedia mempelajari sesuatu dari Timur maka kita mestilah bersikap dada terbuka. Pandangan yang sempit tidak akan membolehkan kita melihat jauh ke depan. Sikap toleransi dan

lebih bebas mesti dipelihara. Sebagai sebuah negara Malaysia harus berbangga, ia memiliki tiga jenis kebudayaan yang ternilai di dunia ini. Kita tidak boleh menafikan bahawa kita hidup dalam negara yang terdiri oleh berbagai-bagai kaum dengan warisan kebudayaan yang agak kompleks. Kita mesti menerima hakikat wujudnya perbezaan akibat berlainan ini. Oleh itu kita tidak boleh didorong oleh pandangan yang cetek apabila setiap masyarakat menjalankan aktiviti kebudayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan dan saya ingin menunjukkan kepada kenyataan yang dibuat oleh pihak berkuasa baru-baru ini terhadap sekatan tarian singa. Ini amatlah dikesali walaupun Ahli Yang Berhormat dari Menglembu, rakan saya telahpun menegur dan walaupun satu penyelesaian telahpun diusahakan semalam, saya ingin juga menyebut perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tarian singa adalah satu aktiviti kebudayaan bagi masyarakat Cina di Malaysia. Ia mempunyai nilai kebudayaan yang tersendiri dan merupakan satu aktiviti yang penuh berdisiplin untuk kebaikan kaum belia. Saya tidak nampak sebab-sebab pihak berkuasa mesti mengenakan sekatan ke atas aktiviti yang bernilai ini. Kesalahfahaman terhadap konsep tarian singa menggambarkan kekurangan persefahaman dan sikap toleransi.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh mengamalkan sikap double standard terhadap perkara-perkara berkenaan. Ini hanya akan mengakibatkan anggapan yang salah berlanjutan. Saya berharap Kerajaan akan bersikap lebih liberal dan bertolak ansur dalam pendekatannya terhadap perkara ini dan juga saya harap kenyataan-kenyataan seperti ini tidak akan berbangkit lagi. Kita mesti sentiasa ingat bahawa kebebasan akan memupuk kebebasan dan keadilan akan memupuk keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua bersedia dan berazam membina sebuah negara yang adil dan saksama di mana keseluruhan rakyat akan yakin terhadap harapan dan aspirasi mereka tertunai. Oleh itu kita mesti berikhtiar dan berusaha dengan bersungguh-sungguh ke arah menghapuskan segala salah anggapan yang tidak benar. Kita mesti menghapuskan kesalahfahaman dan kebimbangan di kalangan rakyat. Saya percaya negara ini mempunyai potensi yang besar sekiranya kita sedia bersikap rasional dan tidak emosional. Kita mesti cuba memahami perasaan masyarakat lain. Sekiranya kita dapat melaksanakan ini sebagai langkah pertama, ia akan merupakan satu langkah yang maha penting ke arah pembinaan sebuah negara yang aman damai dan sentosa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang di atas dan dengan harapan dan keyakinan bahawa Dewan yang mulia ini adalah tempat di mana kita bersama-sama mencari satu pemikiran baru untuk menyelesaikan masalah-masalah negara ini, saya sekali lagi menyokong Usul Terima Kasih atas Titah Di Raja itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

6.53 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membuat ucapan yang ulung ini. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana dalam Titah Ucapannya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah mengingatkan tentang peranan dan tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat setelah diamanahkan oleh rakyat untuk berada di Dewan yang mulia ini. Saya akan menggunakan peluang dan kesempatan ini untuk membantu dan

berusaha dengan sedaya upaya saya supaya negara ini mencapai suatu masyarakat di mana rakyat hidup dengan bahagia dan sejahtera.

Saya datang ke Dewan yang mulia ini daripada rakyat untuk mengucapkan kepada rakyat dan demi kepentingan rakyat dengan nada-nada tanpa ketakutan dan tanpa berat sebelah kepada sesiapa pun, biar putih tulang jangan putih mata.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya telah mendengar banyak hujah-hujah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Alor Setar, Hilir Perak, Matang, Ulu Padas, Pasir Puteh, Ulu Selangor dan sebagainya yang menyentuh tentang hal-hal pembangkang dan sebagainya dengan tingkah laku boleh disifatkan sebagai orang kena sengat:

Kena sengat sembilang karang,
Siang malam duduk mengerang,
Puas didemah habis diganggang,
Tujuh hari bisa tak hilang. (*Ketawa*).

Bagi setengah-setengahnya beberapa tahun pun tidak hilang lagi bisanya sampai mencapai kedudukan atau taraf dalam parti atau Kerajaan itu yang paling tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, ada se-golongannya yang hendak menempah tiket menaiki kapal UMNO yang menuju ke angkasa lepas kerana kapal itu adalah muatan yang terhad, begitulah mereka berusaha dengan sedaya upaya untuk mencari scapegoat dan untuk mencari whipping boy di dalam Dewan yang mulia ini.

Dalam arena politik yang panas lagi gamat ini saya akan memberi sumbangan untuk mengukuhkan institusi demokrasi di negara kita serta hak untuk perbantahan kerana berlainan pendapat, pandangan dan sikapnya. Kerana adanya berbagai-bagai faktor yang jelas pilihanraya umum yang telah berlangsung itu tidak boleh dianggap sebagai mengukuhkan

lagi institusi demokrasi di negara ini. Faktor-faktor ini termasuklah perbezaan yang terlalu nyata bagi jumlah bilangan pemilih-pemilih di antara bahagian-bahagian pilihanraya luar bandar dengan bahagian-bahagian pilihanraya bandar, sehingga terdapatnya bahagian pilihanraya yang mempunyai jumlah pemilih-pemilih lima kali ganda lebih ramai jika dibandingkan dengan bahagian pilihanraya yang lain. Misalnya jumlah bilangan pemilih di Petaling ialah 114,704 orang, Sungai Besi—103,469 orang, Shah Alam—101,192 orang, Kuala Krai dibandingkannya 24,445 orang, Tenggaroh 24,453 orang dan Larut—25,253 orang.

Tuan Yang di-Pertua, tambah pula rapat umum diharamkan. Media massa seperti akhbar disekat dan monopoli oleh pihak Barisan Nasional serta perbelanjaan bagi sesuatu kawasan walaupun dihadkan dalam peruntukan-peruntukan dan Akta-akta Pilihanraya dihadkan setakat \$20,000 sahaja tetapi nampaknya di

pilihanraya umum ini tiap-tiap kawasan, calon-calon Barisan Nasional mencurah-curahkan wang berjuta-juta ringgit di setengah-setengah kawasan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Suruhanjaya Pilihanraya melakukan keadilan yang sebenar dan membetulkan amalan-amalan yang tidak demokratik termasuk memastikan tidak berlakunya perbezaan terlalu nyata bilangan mengenai pemilih di antara bahagian-bahagian pilihanraya luar bandar dan bandar serta mempertimbangkan sistem perwakilan berkadar iaitu proportional representation selain dari sistem yang terdapat sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari Selasa.

Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 19hb Oktober, 1982.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.